AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

فليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 30 BILANGAN 32 | RABU 7 OGOS, 1985. | رابو 20 ذولقعده 1405 | PERCUMA

# KEBAWAH D.Y.M.M. BERANGKAT KE DAERAH TEMBURONG

Liputan Abd Karim HAB

PEKAN BANGAR. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Muizzaddien Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bercemar duli ke Daerah Temburong pada hari Isnin lepas.

Keberangkatan tiba Baginda dengan pesawat peribadi yang dipandu oleh Baginda sendiri telah dijunjung oleh Menteri Pembangunan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd Taib dan Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Othman bin Awang Damit.

Baginda yang memakai pakaian seragam tentera dan rombongan kemudian berangkat ke tapak pembinaan Bangunan Pejabat-pejabat Kerajaan dan telah dialu-alukan dengan pukulan hadrah oleh murid-murid sekolah yang beratur dari jalan masuk hingga ke tapak pembinaan bangunan tersebut.

Baginda seterusnya dijunjung oleh Penolong Pegawai Daerah, Pengiran Md Salleh bin Pengiran Kamaluddin dan diperkenalkan kepada pegawai-pegawai kerajaan di daerah berkenaan.

Setelah itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung ke pentas khas bagi menyempurnakan perletakan batu asas Kompleks Bangunan-Bangunan Kerajaan yang bernilai $8.2 juta.

Baginda kemudian dijunjung untuk menerima taklimat mengenai perkembangan pembinaan projek itu yang disembahkan oleh seorang wakil pihak pemborong. Doa selamat di upacara itu dibacakan oleh Kadi Daerah Temburong.

### MENINJAU

Lawatan Baginda seterusnya ialah ke Pejabat Daerah Temburong. Di sini Baginda telah berkesempatan meninjau pelbagai kemajuan yang sedang dan akan dicapai

Lihat muka 16



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam menerima junjung ziarah dari sebahagian rakyat dan penduduk Daerah Temburong yang hadir di majlis jamuan yang dikurniakan oleh Baginda di Dewan Kemasyarakatan (gambar atas dan bawah). Gambar oleh Ak. Abu Bakar PHO/Ak. Bahar PHO.



### MANISNYA IMAN

"DAN barangsiapa yang mengerjakan perbuatan yang baik sama ada laki-laki ataupun perempuan dalam keadaan ia — beriman, nescaya Kami (Allah) akan hidupkan dia dalam kehidupan yang baik, dan sesungguhnya akan Kami berikan kepadanya pembalasan, menurut yang mereka kerjakan dengan sebaik-baiknya." — Makna ayat 97 surah An-Nahl.

# ABDB rai Hari Puja Usia Kebawah D.Y.M.M. ke-39

Oleh: Ahat Ismail

PERKHEMAHAN BERAKAS. — Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat ke majlis bagi meraikan Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaullah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, di Mess Pegawai Perkhemahan Berakas di sini malam Ahad lepas.

Majlis tersebut dipersembahkan oleh Pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), sempena Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaullah Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan, dijunjung oleh Pegawai Pemerintah ABDB Brigadier Jeneral Dato Paduka Seri J.P.W. Friedberger serta Pegawai-Pegawai Kanan ABDB.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir

Lihat muka 16



KEBAWAH Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam, beramah mesra dengan Pegawai-pegawai Kanan ABDB. — Gambar oleh Ak. Bahar PHO.

# Terasul baru Paduka Seri Begawan

PADA menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa inilah terasul yang telah diperkenankan oleh Baginda, seperti yang dibaca dalam Khutbah Jumaat pada 19 Julai 1985. Terasul yang berkenaan itu adalah seperti berikut :—

"Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam"

Manakala terasul Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam adalah tidak berubah.

Titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam itu disiarkan melalui Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 12 bertarikh 3 Ogos 1985.

Pelita Brunei

7 OGOS, 1985.

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## KEMESRAAN RAKYAT PETANDA SOKONGAN YANG BERTERUSAN

SUASANA merayakan Ulang Tahun Hari Keputeraan ke-39 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam masih lagi bergema di seluruh negara. Setiap daerah mengketengahkan pelbagai aturcara sesuai dengan tradisi kita untuk terus memperlihatkan cara pernyataan 'rasa hati' serta kemesraan rakyat dan penduduk negara ini terhadap Raja yang memerintah dan melindungi mereka dalam sebuah negara yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja.

Kemesraan dan rasa kecintaan terhadap Raja serta negara bukan saja dapat kita kesan dari penglibatan rakyat dan penduduk negara ini dalam setiap aturcara persembahan malah kemesraan bersama antara seorang raja dengan rakyat dapat kita nampak dari kunjungan rakyat serta penduduk negara ini dalam majlis jamuan teh yang baru-baru ini diadakan dipekarangan Istana Nurul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini telah berkenan mengurniakan jamuan teh kepada rakyat dan penduduk khususnya kepada mereka yang tinggal di Daerah Brunei dan Muara yang telah sama-sama mengungkayahkan secara teratur serta cekap acara-acara persembahan dan sebagainya sempena puja usia Baginda ke-39 tahun.

Pekarangan Istana Nurul Iman dibanjiri oleh lebih dari 10 ribu orang rakyat dan penduduk negara ini yang antaranya terdiri daripada ahli-ahli jawatankuasa sambutan perayaan bagi Daerah Brunei dan Muara, penduduk-penduduk kampung, belia serta beliawanis dari pertubuhan-pertubuhan belia dan kebajikan, murid-murid sekolah dan orang ramai lainnya yang memanfaatkan kesempatan itu dengan sebaik-baiknya. Secara terbuka Baginda Sultan dan Yang Dipertuan bersalam mesra dengan rakyat dan penduduk yang begitu ghairah untuk kunjung ziarah. Baginda berada di tengah-tengah kumpulan rakyat dan penduduk negara ini dalam suasana yang begitu harmoni, mesra dan meyakinkan.

Kemesraan rakyat dan penduduk negara ini yang berkesempatan kunjung ziarah dalam majlis jamuan teh tersebut membawa petanda bahawa kita sesungguhnya sentiasa memberi dan mengekalkan sokongan yang berterusan terhadap kepimpinan Baginda dalam menerajukan sebuah kerajaan yang berwibawa. Kemesraan ini juga mengandungi rasa kasih rakyat yang setulus-tulusnya dan harapan mereka yang setinggi-tingginya kepada Baginda selaku Sultan dan Yang Dipertuan yang memimpin negara dan rakyat kerana sesungguhnya rakyat dan penduduk mengetahui tentang hasrat Baginda yang memang sentiasa memeduli kesejahteraan negara dan isi di dalamnya.

Majlis yang diadakan dan dihadiri oleh lebih 10 ribu orang itu bukanlah semata-mata untuk menikmati hidangan ringan bahkan ia adalah merupakan suatu penghormatan, suatu ingatan tulus dari Baginda kepada rakyat dan penduduk negara ini yang tidak kendur-kendurnya menghulurkan sokongan yang berterusan terhadap usaha kerajaan dalam memajukan negara.

Sikap kepimpinan Baginda yang sentiasa memeduli kesejahteraan rakyat dan negara ini di samping sokongan rakyat yang berterusan adalah merupakan faktor utama yang kait-mengait dalam mengekalkan sebuah kerajaan yang berkesan. Kerana setentunya sokongan rakyat yang berterusan ini mengambil kira tentang hakikat sama-sama merasa berkepentingan, sama-sama terikat kepada tanggungjawab untuk seterusnya berganding bahu dalam melaksanakan usaha-usaha kerajaan dalam memajukan negara di segenap bidang yang sesungguhnya akan mengekalkan kita sebagai bangsa yang berwibawa dalam sebuah negara yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja.

# PERSAINGAN KUASA BESAR DI RANTAU INI MENGANCAM ASEAN

Sabda ucapan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN kali ke- 18 yang berlangsung di Kuala Lumpur, pada 8 Julai 1985.

SAYA bagi pihak perwakilan saya, ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Pengerusi atas lantikan dengan sebulat suara sebagai Pengerusi Mesyuarat Tahunan Menteri-menteri Luar. Saya yakin tuan akan dapat mengetuai Mesyuarat Tahunan Menteri-Menteri Luar ini dan juga Persidangan Menteri-Menteri Luar dengan penuh kecekapan serta memperolehi kejayaan.

Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk melafazkan penghargaan yang mendalam serta tulus ikhlas kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed, Perdana Menteri Malaysia atas ucapannya yang bergitu memberangsangkan. Kata-kata beliau yang bijaksana itu akan dapat dijadikan panduan dalam perbincangan yang dihadapi beberapa hari ini.

Kami juga mengalu-alukan Tuan Yang Terutama, Tuan Castro, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Republik Filipina. Saya yakin kita akan memperolehi manfaat dari kebijaksanaan serta pengalaman beliau.

Kami juga ingin mengalu-alukan Tuan Yang Terutama John Gihenu, Menteri Hal Ehwal Luar dan Perdagangan Papua New Guinea yang menghadiri mesyuarat ini sebagai pemerhati.

Tuan Pengerusi,

Sejak dua belas bulan yang lalu terdapat beberapa kegiatan juga mesyuarat ASEAN. Kelapan buah Jawatankuasa Tetap juga telah mengadakan mesyuarat. Kami juga telah mengadakan mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian, Buruh, Persekitaran dan Tenaga. Kami juga telah mengadakan mesyuarat di Dublin dengan Menteri-Menteri E.C. November lalu. Saya sukacita menyatakan bahawa Brunei Darussalam menyertai sepenuhnya dalam semua mesyuarat-mesyuarat ini. Memandangkan kekurangan tenaga manusia, kami telah mengamalkan pendekatan secara perlahan-lahan dengan menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat-Mesyuarat ASEAN di Brunei. Pada 11-14 Februari 1985 kami menjadi tuan rumah Mesyuarat Pertama Kumpulan Kerja ASEAN mengenai Rancangan Perlindungan Binatang Peliharaan dan Haiwan di Bandar Seri Begawan. Pada 29 April – 3 Mei 1985, kami menjadi tuan rumah Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pertama bilamana Jawatankuasa Sains dan Teknologi mengadakan mesyuarat di Bandar Seri Begawan. Pada 12-13 Mei 1985, kami menjadi tuan rumah Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan dan pada 14 Mei 1985, Kumpulan Kerja bagi ZOPFAN. Kesemua mesyuarat ini telah memberikan pegawai-pegawai kami pengalaman yang amat berharga dan dalam tahun 1986, kami akan menjadi tuan rumah Mesyuarat Menteri-Menteri Luar yang pertama bilamana Menteri-Menteri Luar Buruh ASEAN mengadakan mesyuarat di Bandar Seri Begawan.

Kemajuan yang besar telah juga dicapai dalam kerjasama ASEAN. Dalam bidang sosial dan kebudayaan, Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan (COCI) dan Jawatankuasa Kebudayaan Sosial (COSD) telah mengadakan mesyuarat serta memulakan berbagai projek mereka.

Meskipun kita telah memperolehi begitu banyak kemajuan dalam bidang-bidang ini, saya rasa masih ada ruang untuk meningkatkan kerjasama. Kerjasama dalam bidang-bidang ini adalah tidak begitu menimbulkan perbalahan dan membawa faedah kepada lebih banyak penduduk secara keseluruhan. Dengan kerjasama dalam bidang kebudayaan dan sosial, saya rasa kita dapat membina asas yang lebih kukuh rasa kepecayaan dan saling membantu serta memahami antara satu sama lain. Dengan memupuk rasa kepercayaan dan saling membantu, kita akan merasa lebih yakin yang hasilnya ialah keamanan dan kemantapan akan terpelihara di rantau kita ini. Saya percaya bahawa kedua jawatankuasa COSD dan COCI benar-benar dapat menghurai dan menggabungkan projek-projek mereka menjadi sejumlah projek yang terpilih yang akan memberi kesan yang lebih luas kepada masyarakat pada umumnya. Projek-projek ini hendaklah melibatkan orang-orang muda agar kita dapat mempergunakan daya tenaga mereka serta menyalurkannya pada maksud-maksud yang berfaedah. Seperti yang kita semua ketahui ramai muda-mudi kita, atas sebab yang banyak melibatkan diri mereka dengan penyalahgunaan dadah. Mereka menjadi beban bukan sahaja kepada keluarga mereka tetapi juga ancaman kepada masyarakat. Saya benar-benar berharap oleh kerana masalah ini tidak dapat diselesaikan secara serantau dan dalam konteks seluruh dunia. Inilah tempatnya di mana kita dapat benar-benar bekerja untuk membenteras bahaya ini. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Malaysia kerana merintis langkah yang begitu berani dan imiginatif ke arah ini.

Dalam bidang kerjasama ekonomi, ASEAN bergerak dengan langkah yang kecil tetapi yakin terhadap kerjasama ekonomi sepenuhnya. Menteri-Menteri Ekonomi dalam mesyuarat mereka pada bulan Februari di Kuala Lumpur meluluskan beberapa projek AIJV. Dalam mesyuarat itu juga mereka memutuskan bahawa giliran bertugas sebagai Pengerusi Jawatankuasa Ekonomi akan dikuatkuasakan mulai 1 Ogos 1986.

Bagaimanapun, keadaan ekonomi dunia masih lagi suram dan tidak kukuh. Hasilnya banyak negara-negara membangun mengamalkan dasar perlindungan perusahaan yang menyebabkan sukar bagi eksport-eksport ASEAN memasuki pasaran mereka. Sidang Puncak Ekonomi di Bonn tidak menghasilkan penyelesaian positif terhadap masalah hutang antarabangsa, inflasi serta kadar faedah yang tinggi.

Oleh yang demikian kami ingin menyeru negara-negara membangun terutama sekali rakan-rakan dialog kita untuk memberi pertimbangan sewajarnya bagi membolehkan dagangan ASEAN dimasukkan ke pasaran kerana masa depan ekonomi kita saling bergantung kepada pertumbuhan ekonomi antara satu sama lain.

Dalam usaha kita untuk mempastikan pertumbuhan ekonomi yang bergolak, keadaan politik yang tidak mantap di dunia menyebabkan keadaan menjadi lebih sukar kerana tanpa kemantapan ekonomi, pertumbuhan ekonomi akan tinggal sebagai impian.

Masalah di Kampuchea masih belum dapat diselesaikan. Sejak bermulanya pertikaian ini, ASEAN telah melibatkan dirinya untuk mencari penyelesaian politik yang lengkap terhadap masalah ini. ASEAN terus menunjukkan 'flexibility'nya atas isu itu dengan menghadapkan berbagai cadangannya sendiri dan dengan menimbangkan juga cadangan-cadangan lain dengan harapan untuk mencapai penyelesaian politik yang lengkap dan kekal. Hanya baru-baru ini, ASEAN melalui usaha Tuan Pengerusi yang tidak kendur-kendur mencadangkan untuk mengadakan mesyuarat bagi perundingan secara dekat di antara Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea pada satu pihak dengan Vietnam di pihak yang lain supaya pihak-pihak yang beberapa terhadap pertikaian itu akan dapat memulakan perbincangan secara terus-menerus untuk mencapai penyelesaian politik yang lengkap. Ini dilakukan kerana ASEAN yakin bahawa orang-orang Kampuchea sendirilah yang menentukan dan menyelesaikan masa depan mereka. Kami juga yakin Tuan Pengerusi bahawa hanya melalui perdamaian kebangsaan di kalangan golongan yang bertikai di Kampuchea barulah kemajuan dapat dicapai dalam mencari penyelesaian politik juga dalam mempastikan keamanan yang kekal di Kampuchea. Ketika ini barulah kita dapat mengharapkan untuk mencapai keamanan, keselamatan serta kemantapan di rantau ini.

Tuan Pengerusi, di saat ini saya juga ingin menyatakan penghargaan saya kepada Tuan Yang Terutama Profesor. Dr. Mochtar Kusumatmadja atas usaha beliau untuk memulakan serta menggalakkan rangka strategik yang baru bagi masa depan Asia Tenggara dengan menghubungkan pemulihan hubungan seperti sediakala antara Amerika Syarikat dan Vietnam dengan penyelesaian masalah Kampuchea, yang demikian memberi dimensi yang baru kepada usaha-usaha kami. Kami amat berharap agar kedua-kedua pendekatan yang baru ini dapat digunakan oleh pihak-pihak yang berkenaan sebagai asas bagi penyelesaian yang dirundingkan yang mana akan menjadi titik perubahan yang bermakna dalam usaha kami yang bersungguh-sungguh bagi penyelesaian politik terhadap masalah di Kampuchea.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Brunei Darussalam pernah melafazkan kecamannya atas pertelingkahan di antara tentera Vietnam dan Thai disebabkan oleh kemasukan tentera Kampuchea ke wilayah Thai. Kami ingin mengulangi sekali lagi seruan kami ke atas Vietnam supaya menghormati kewujudan Wilayah Thailand serta menghentikan dari melancarkan serangan selanjutnya. Perihal Vietnam yang tidak menghormati Wilayah Thai ternyata sekali melanggar semua aspek tatatertib dan tingkah laku antarabangsa yang sudah tentunya meningkatkan lagi ketegangan di rantau ini. Kami bersama-sama Negara ASEAN yang lain juga masyarakat antarabangsa mengecam berat tindakan kejam Vietnam ke atas Wilayah Thailand.

Pada musim kemarau yang lalu, serangan Vietnam memperlihatkan yang

Lihat muka 3

# Temasya Sukan Ria dapat sambutan meriah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lanjutan kepada Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ke-39 tahun; Jawatankuasa Tertinggi Perayaan telah menganjurkan 'Sukan Ria 85' yang telah berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien di sini Ahad lepas.

Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya telah menjadi tetamu kehormat di temasya itu.

Sebelum acara sukan dimulakan, tetamu kehormat terlebih dahulu diperkenalkan kepada ketua-ketua pasukan yang terdiri dari Setiausaha-Setiausaha Tetap Kementerian, Ketua-Ketua Jabatan beserta Timbalan dan Penolong, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan Bahagian 2, Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-Ketua Kampung dan Pegawai-Pegawai beruniform.

Antara aturcara yang dijalankan di Sukan Ria 85 itu termasuklah melimpar bola ke dalam keranjang gajah, menyepak bola ke dalam mulut singa, badak air dan ikan paus; lumba kura-kura berganti-ganti; menangkap ikan perseorangan dan lumba 'word puzzle.'

Seterusnya lumba perahu di darat; membangun kota; lumba roda berganti-ganti; lumba giok bulu.; lumba dalam terowong berganti-ganti dan lumba skiing.

Sukan ria yang diadakan pada hari tersebut selain dari bertujuan menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ke-39 tahun, ianya juga dihasratkan bagi menjalinkan kemesraan dan semangat berganding bahu dan saling bantu membantu antara sesama peserta yang mengambil bahagian, agar dengan demikian akan melahirkan perpaduan dan mutu kerja yang lebih cekap dan berkesan.

Di akhir acara hadiah-hadiah kepada para pemenang juga telah disampaikan oleh tetamu kehormat Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.





YANG Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Pengawal Kastam dan Eksais, menerima hadiah yang disampaikan oleh Dato Paduka Sidek Yahya, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang menjadi tetamu kehormat dalam temasya tersebut (atas).Sementara lain-lain gambar menunjukkan acara-acara yang dipertandingkan (atas kanan), acara lumba roda (bawah), lumba kura-kura dan (bawah kanan) acara menangkap ikan perseorangan. — Gambar-gambar oleh Pg. Haji Yaakub.





Dari muka 2

meskipun tentera Vietnam berupaya untuk mengusir CGDK dari pengkalan mereka sepanjang sempadan Thai — Kampuchea, kesungguhan tentera penentang tidak berkurang dalam perjuangan mereka untuk membebaskan negara mereka. Tentera CGDK yang patut dipuji kini menjadi bertambah kuat serta lebuh bersatu padu. CGDK yang di bawah kepimpinan Putera Norodum Sihanok terus mencapai kemajuan dalam usahanya untuk membebaskan tanahair mereka dari pendudukan asing. CGDK juga telah memperolehi sokongan yang lebih luas di peringkat antarabangsa seperti undi yang diperolehi dalam Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu yang ke-39.

Peranan ASEAN dalam masalah ini adalah untuk mewujudkan keadaan yang baik bagi mengembalikan Kampuchea kepada kedudukannya yang asal, merdeka dan berkecuali serta membolehkan rakyat Kampuchea menyelesaikan masa depan mereka. Tuan Pengerusi, tuan telah bekerja dengan begitu sabar untuk mencapai matlamat ini. Kesabaran, stamina dan pemahaman tuan telah menyelaraskan kecepatan ASEAN dalam mencari penyelesaian terhadap masalah yang sulit dan serius. Usaha tuan yang tidak kenal lelah untuk mencapai matlamat ini patut disanjung tinggi.

Persaingan antara kuasa besar merupakan satu perkara yang berat bagi kita semua. Pengkalan tentera laut dan udara Soviet di Vietnam adalah satu gerakan yang bahaya yang secara langsung mengancam usaha ASEAN untuk menggalakkan ZOPFAN. Kami juga bimbang akan tiadanya kemajuan dalam rundingan kawalan senjata di antara Amerika Syarikat dan Soviet Union. Sebagai sebuah negara yang kecil, harapan kami untuk terus hidup terletak pada kebijaksanaan mereka yang duduk membuat keputusan akan nasib dunia. Yang demikian kami menyeru mereka semua yang berkenaan mengusahakan jalan yang bersesuaian demi untuk mencapai keamanan di dunia.

Berhubung dengan keadaan di luar Asia Tenggara, Brunei amat bimbang dengan masalah yang tidak dapat diselesaikan di Afghanistan. Beribu-ribu nyawa yang tidak berdosa serta kesengsaraan yang tidak terbilang melanda orang-orang Afghanistan, Brunei Darussalam tetap dengan pegangannya bahawa campurtangan luar terhadap negara berdaulat tidak boleh dimaafkan dan kami menyokong seruan masyarakat antarabangsa bagi pengunduran semua tentera asing dari Afghanistan. Rakyat Afghanistan mestilah dibenarkan untuk menentukan nasib mereka sendiri dan kedudukan Afghanistan sebagai negara yang berkecuali mestilah dipulihkan. Brunei Darussalam mengalu-alukan perkembangan baru-baru ini dalam usaha untuk menyelesaikan masalah ini serta amat mengharapkan agar berjuta-juta rakyat Afghanistan yang dipaksa berlindung di negara-negara jiran dapat dibenarkan pulang dengan aman ke tanahair mereka.

Di negara-negara Asia Barat adalah mendukacitakan yang pertikaian di antara Iran dan Iraq terus menyebabkan kehilangan nyawa yang terutama sekali orang-orang awam dan di Lebanon, perang saudara yang melanda negara itu tidak memperlihatkan tanda-tanda damai. Orang-orang Palestin masih lagi tidak dapat pulang ke tanahair mereka meskipun terdapat ketetapan yang berulang-ulang oleh Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu. Di Afrika masalah Namibia masih tidak dapat diselesaikan dan Afrika Selatan masih mengamalkan dasar Apartheid yang menindas rakyat. Pendek kata tidak banyak perubahan yang berlaku bagi orang-orang yang menjadi mangsa perang dan penindasan yang tidak diterima akal.

Meskipun saya menamatkan ucapan ini dengan rasa sedih atas keadaan yang berlaku di dunia ini, saya merasa agak lega juga kerana mendapat tahu kami di ASEAN berjaya menjalinkan hubungan yang erat dan sihat berasaskan kepercayaan dan keyakinan. Adalah menjadi harapan saya dan juga rakyat Brunei Darussalam bahawa keadaan harmoni dan saling memahami yang wujud di kalangan kita akan terus berkekalan.

Tuan Pengerusi,

Saya ingin mengucapkan terima kasih dan melalui Tuan kepada Kerajaan dan rakyat Malaysia atas layanan yang mesra dan penghormatan yang diberikan kepada saya dan anggota perwakilan saya ke bandarraya Kuala Lumpur yang indah ini.

Akhir kata, saya bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ingin mengucapkan selamat sejahtera Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi kejayaan Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN yang ke-18.

**Sabda ucapan penutup Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam di Mesyuarat Menteri-Menteri Luar yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 9 Julai 1985.**

# ASEAN mesti dipelihara

KINI kita telah pun sampai ke penghujung Mesyuarat Menteri-Menteri yang ke-18. Saya bagi pihak perwakilan saya ingin mengucapkan tahniah kepada tuan atas kecekapan mengendalikan perundingan dalam mesyuarat ini dua hari yang lalu.

Kita telah pun bertukar-tukar pendapat dan tanggapan dalam berbagai persoalan serantau dan antarabangsa yang meliputi semua aspek. Atas sebab itu, kita mempunyai pemahaman yang lebih baik akan sikap dan pandangan antara satu sama lain.

Sepanjang mesyuarat ini, kita telah pun meneliti kegiatan-kegiatan kita sejak dua belas bulan yang lalu dan bolehlah dikatakan bahawa kerjasama kita begitu banyak dan berbagai rupa seperti yang dibuktikan oleh Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh, Pertanian dan Persekitaran ASEAN. Kita juga telah menimbangkan tentang masa depan serta memulakan cadangan untuk mengekalkan kecepatan bagi penyelesaian terhadap masalah Kampuchea. Kita mesti memelihara kedudukan ASEAN yang 'flexible' dalam usaha untuk mencari dan mengekalkan keamanan dan kemantapan di rantau ini.

Dalam lapangan sosial kita telah memulakan kecaman yang bercabang dua ke atas bahaya penyalahgunaan dan pengedaran dadah; pada peringkat serantau dan seluruh dunia.

Tuan Pengerusi, sepanjang masa tuan sebagai pengerusi, tuan telah mencapai begitu banyak untuk menggalakkan kerjasama ASEAN serta meningkatkan nama baik ASEAN kepada dunia. Kesabaran dan kesungguhan tuan dalam keadaan yang begitu mendesak serta mewakili kepentingan ASEAN dalam lawatan keluar negeri patutlah dipuji.

Saya bagi pihak perwakilan saya sekali lagi ingin menyampaikan ucapan tahniah yang tulus ikhlas serta mengakui sumbangan tuan terhadap kerjasama dan perpaduan ASEAN.

Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan selamat berjaya kepada Tuan Yang Terutama Tuan Castro, Pemangku Menteri Bagi Hal Ehwal Luar, Republik Filipina, kerana mengambil alih tugas dari Malaysia sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tetap. Saya merasa amat yakin yang tuan akan dapat mengendalikan ASEAN dengan jayanya dua belas bulan yang akan datang ini.

Kepada Setiausaha Agung dan kakitangannya, saya ingin menyampaikan rasa penghargaan perwakilan saya atas khidmat cemerlang mereka.

Kepada Pengarah Agung dan kakitangannya di Urusetia Kebangsaan ASEAN, Malaysia, saya juga ingin menyatakan penghargaan kami atas kerja keras yang mereka laksanakan untuk memenuhi kehendak Jawatankuasa Tetap sejak dua belas bulan yang lalu. Saya percaya mereka telah berkerja siang dan malam pada setiap kali Jawatankuasa Tetap bermesyuarat, demi untuk menyelesaikan begitu banyak acara dalam agenda mereka.

Akhir sekali saya bagi pihak perwakilan saya ingin menyampaikan terima kasih yang tulus ikhlas dan penghargaan kepada kerajaan dan rakyat Malaysia atas penghormatan dan layanan mesra yang dihulurkan kepada kami dan perwakilan kami.

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.... Siri ke-288



# PUAK BATINIYYAH Siri kelima belas

**Dalil membatalkan "batin" yang dipegang oleh Batiniyyah dan ajaran salah dan sesat:**

Dalam siri yang lalu kita telah membentangkan beberapa faham dan ajaran-ajaran Batiniyyah, berikut kita kemukakan cara menolak ajaran-ajaran tersebut.

Berkata Ad-Dailami pengarang Qawa'idu Aqa'idi Ali Muhammad (Mazhab Batiniyyah).

Ketahui olehmu bahawa pengertian batin yang dipegang oleh Batiniyyah itu, tiada secucuk dan tiada bertemu dengan zahir pada apa jua rupa dan wajahnya, bagaimana menurut banyak takwil-takwil mereka yang telah kita sebutkan dalam siri yang lalu.

Kita mahu berkata kepada mereka, cuba kamu khabarkan kepada kita, dengan ilmu dan dalil apa kamu membuat takwil-takwil itu, adakah dengan akal dharuri (tidak perlu bukti) atau dengan akal nazari (dalil), kerana akal menghukumkan sesuatu tiada keluar dari dua jalan sama ada jalan dharuri atau nazari, jika mereka berkata: dengan akal dharuri, maka kita jawab itu salah, kerana akal dharuri tiada boleh orang-orang yang siuman bersalah-salahan pendapat padanya, seperti akal mengetahui bahawa 10 itu lebih banyak dari 5 dan lain-lain lagi, dari perkara yang diketahui dengan akal dharuri, telah maklum bahawa orang-orang yang siuman itu mestilah mereka bersalah-salahan pendapat, pada mentakwilkan sesuatu, atau kebanyakan manusia tiada dapat berbuat takwil apatah lagi ia beriktikad betul takwil yang dibuat itu.

Jika mereka berkata: Kita membuat takwil itu dengan dalil, maka kita kata: Apa corak dalil itu adakah corak aqliah atau corak samiyyah? Jika mereka berkata dengan dalil akal, maka kita kata: Dalil akal tiada menjadi hujjah (dijadikan bukti) pada kamu, dan kamu kata tiada boleh dapat dicapai segala perkara fikiran, melainkan dengan wasita (pertengahan) imam-imam kamu, sebagaimana tersebut dalam kitab kamu bernama "Yaqadzatul Ghafil", katakanlah kita menerima dalil akal itu yang kamu berdalil dengannya, tetapi dalil akal itu tiada menunjukkan betul segala takwil kamu itu, tiada boleh difahamkan dari kalimah Lailaha illallah umpamanya menunjukkan As-Sabiq (Tuhan), At-Tali, An-Natiq dan Al-Asas bagaimana kamu dakwa, jika mereka berkata takwil itu diketahui dari dalil Sama', kita kata: Dalil Sama' itu hanya diketahui dengan Quran, hadis, dan ijma, yang mana satu dari tiga itu? Jika mereka berkata dengan dalil Quran, kita kata itu tiada betul, kerana Quran pada kamu itu bukan firman Allah, kerana kamu berkata bahawa Quran mesti berlaku melalui alat yang berjisim dan alat berjisim itu mustahil di atas Allah Taala, lagi kamu kata bahawa Quran itu boleh ditambah dan dikurang, jikalau begitu, maka apa salahnya ibarat yang ditambah itu menjadi dalil, dan ibarat ditambah itu tiada boleh dibuat dalil kerana ia bukan Quran, kemudian lepas itu apa dalil yang kamu pakai bagi membuat takwil-takwil kamu itu, kerana kita tiada dapat dalam Quran akan sesuatu dalil yang menunjukkan di atas takwil-takwil kamu itu, dan tiada boleh menunjukkan kalimah La ilahaillallah itu akan As-Sabiq dan At-Tali bagaimana telah lalu kata kamu, jika mereka berkata kita berdalil dengan hadis, kita jawab itupun tiada betul, kerana pada menerima hadis, mestilah menerima lebih dahulu akan sah ada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan kamu tiada mengsahkan akan pangkat Nabi kepada Nabi Muhammad dan kamu kata: Baginda itu pemimpin umat yang kecewa (mankusah), kemudian pada kamu mukjijat tiada dipakai, kerana mukjijat sebagai tanda dan isyarat, kemudian sabda Rasulullah itu ada batin pada pandangan kamu dan zahir sabda itu tiada menunjukkan batin yang kamu kehendakan itu, kalau begitu bagaimana boleh kamu berdalil dengan sabda baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu, jika kamu kata diketahui sabda Rasulullah itu dengan suatu batin, maka batin itu berkehendak sesuatu batin yang lain begitulah dengan tiada berkesudahan dan itu membawa tasalsu (berulang/berkait) dan tasalsul itu batil dan salah.

Jika mereka berkata: Jalan mengetahui batin ialah ijma', kita kata ijma' itu ada dua macam Ijma' umat Islam dan ijma' Al-Itrah, dan dalil menunjukkan kepada adanya ijma' itu ialah Quran dan hadis dan kita telah terangkan bahawa kamu tiada dapat berbuat dalil dengan keduanya menurut mazhab kamu, dari itu tiada sesuatu daripada Quran dan hadis menunjukkan di atas cakap-cakap kamu itu, dari itu diketahui dari segi ugama dengan dalil akan dharuri bahawa takwil-takwil kamu semuanya batil dan salah.

Kemudian dikatakan kepada kamu dengan takwil-takwil kamu di atas perkara ibadat dan lain-lain itu maka kamu semuanya membatalkan erti ibadat dan lain-lainnya itu, padahal kita ketahui dengan akal dharuri bahawa ibadat dan lain-lain itu wajib dikerjakan dan orang yang meninggalkan ibadat dan lain-lain itu, mestilah dapat balasan jahat.

Kemudian dikatakan kepada kamu: Dari mana dalil kamu mengatakan takwil-takwil itu lebih utama dari zahir itu, kerana kamu tiada melihat munasabah di antara zahir sesuatu percakapan dengan maknanya, maka tiadalah ada utama pada kamu dengan meletakkan zahir di atas sesuatu ibarat dengan makna yang tertentu, padahal lawan kamu boleh meletakkan di atas sesuatu makna yang kamu buat itu dan kamu berkata bahawa satu lafaz itu boleh ditakwilkan 777 takwil dan boleh juga ditanggungkan makna satu lafaz itu di atas 7 ribu atau lebih dan semuanya makna itu menyalahi akan makna yang telah kamu pilih itu dan dengan itu bahawa mazhab kamu itu batil dan salah tiada boleh dipakai.

Jika mereka berkata kita berpegang dengan makna yang ditakwilkan oleh Al-Imam kita yang maksum dan lain-lain tiada dipakai itu bersandarkan di atas Ismah Al-Imam kamu, maka tiadalah ada dalil di atas 'Ismah Al-Imam kamu. Coba kamu bawa dalil di atas dakwaan kamu itu.

Kemudian perkataan Al-Imam kamu itu ada zahirnya, yang mempunyai takwil juga, maka boleh jadi dia berkehendakkan dengan percakapannya itu lain dari zahir percakapannya itu, maka kalimah La ilahaillallah suatu perkara yang nyata ertinya, maka kamu ertikan ertinya di atas beberapa erti yang tiada munasabah dengan zahir kalimah syahadat itu, maka apabila boleh ditakwilkan perkara Nabi-Nabi yang terang nyata itu, maka lebih-lebih lagi boleh ditakwilkan pada perkataan Imam kamu itu dan dari itu tiada dapat dipegang perkataan Al-Imam kamu itu, dan pula imam itu ada mempunyai berbagai-bagai takwil sehingga 777 takwil, dari itu harus ia menegah memakai apa yang dikatakannya itu, dan dari itu tiadalah ada keputusan sesuatu pada menentukan adanya satu makna yang boleh dipersetujukan, dan tiada dapat dipegang mazhab yang kamu katakan mazhab kamu itu. Dan telah itfak dakwah Nabi-Nabi di atas zahir kalimah syahadat itu.

Kemudian kita bantah akan segala takwil mereka menurut angka, maka kita kata Lailahaillallah terbahagi kepada nafi dan ithbat, kerana Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam itu Nabi yang benar dan thabit pangkat Nabi kepadanya dan tiadalah harus atau tiada boleh ada seseorang Nabi kemudian daripadanya dan ternafi ada Nabi lain daripada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam selepas Nabi Muhammad itu dengan ijma', dari itu batallah dengan dalil-dalil itu kenabian Muhammad bin Ismail bagaimana kata kamu dan batil ia jadi natiq mengikut gilirannya bagaimana kata kamu.

Atau kita kata kalimah syahadat itu 4 kalimah kerana ia menunjukkan pada imam 4 orang daripada sahabat Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu Abu Bakar, Umar, Othman dan Ali Radhiallahu Anhum dan dari itu hendaklah dibatalkan ada imam 3 orang lepas mereka, bagaimana kamu kata, atau kita kata kalimah syahadat itu 4 kalimah kerana dasar Islam itu 4 iaitu Tauhid, 'Adil, Nubwat dan Syorai'. Atau kita kata dasar ugama terbahagi kepada 7 dasar, kerana membatalkan perkataan orang yang berkata ada 7 minggu, atau kita kata kalimah syahadat terbahagi kepada 7 fasal, kerana ia menunjukkan ke atas imam yang 4 di atas dan di atas pangkat khilafah (imam) Mu'awiyah Yazid dan Mu'awiyah bin Yazid, kerana semuanya tiada menunjukkan zahir ibarat dan tiada ada sesuatu yang menentukan sesuatu makna dan erti, sehingga dikatakan makna yang dipakai oleh kamu lebih aula dan utama dipakai, kita kata lagi syahadat itu terbahagi kepada 12 huruf, kerana ia menunjukkan imam yang sepuluh dan ditambah Mu'awiyah dan Yazid berjumlah 12 imam, atau 12 huruf itu menunjukkan 12 imam daripada imam (Al-Imamiyyah) dan lain-lain lagi boleh kita takwilkan pada menentang rupa corak takwil mereka yang bodoh dan batil itu.

Beginilah cara kita boleh menentang takwil mereka dalam perkara wuduk sembahyang seperti kata mereka: Sembahyang pertama menunjukkan di atas Muhammad dan bilangan rukuknya 4 dan nama Muhammad 4 huruf. Maka kita jawab bahawa 'Atiq (Abu Bakar As-Sidik) 4 huruf, adakah kedua nama itu menunjukkan di atas natiq (Nabi) bagaimana kata kamu. Dan lain-lain macam tentang kita di atas takwil-takwil mereka boleh kita buat.

Kita hairan sekali daripada seseorang yang berakal hidup dalam kalangan umat Islam dan ketahui hal-ehwal Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dan mengetahui bagaimana kesungguhan ibadat Rasulullah kepada Allah seperti sembahyang, puasa dan lain-lain dan bahawa Nabi sembahyang sehingga bengkak dua tapak kaki baginda, bagaimana mereka boleh terpedaya dengan kata-kata dan borak-borak orang Batiniyyah yang bodoh itu dengan kata mereka ibadat-ibadat itu ada takwil, ada batin, ada hakikat dan ada isi.

Kiranya mereka berkata: Kita terpaksa berbuat takwil, kerana umat Islam pun ada berbuat takwil dalam ayat-ayat Al-Quran dan ibarat hadis, oleh itu bagi puak-puak Islam ada tafsir mereka sendiri pada Al-Quran.

Kita jawab: Ada beza di antara takwil kamu dan takwil mereka, maka takwil kamu itu menyalahi zahir ibadat, dan tiada secucuk dengan zahir pada apa-apa jua coraknya dan umat Islam melarang takwil sebegitu rupa. Adapun takwil yang ditakwilkan oleh ahli ilmu Islam bahawa firman Allah itu ditakwilkan dengan takwil yang ada faedah yang bersetuju dan secucuk dengan zahir firman Allah itu. Kerana Allah Taala berfirman dalam ayat 195 Surah Asy-Syo'ara yang bermaksud: "(Ia diturunkan) dengan bahasa Arab yang fasih serta terang nyata."

Maka wajib ditanggungkan mengikut aliran bahasa Arab sama ada makna hakikat atau majaz tiada yang lain, kerana yang lain dari keduanya tiada dikehendakkan oleh orang Arab, kerana ia itu keluar dari jalan bahasa Arab, kerana umat Islam tiada menghukumkan bahawa semuanya berkehendakkan takwil, bahkan apa yang zahir nyata, maka tiadalah berhajat pada keterangan atau takwil seperti firman Allah dalam surah Al-An'am ayat 151 yang bermaksud: "Dan janganlah kamu membunuh jiwa yang telah diharamkan oleh Allah (membunuhnya) melainkan dengan (jalan) yang hak (yang dibenarkan oleh Syarak)." Dan firman Allah Taala dalam Surah Al-Isra' ayat 33 yang bermaksud: "Dan janganlah kamu membunuh diri seseorang manusia yang diharamkan oleh Allah membunuhnya kecuali dengan alasan yang benar. "Dan firman Allah dalam ayat 32 surah Al-Isra' bermaksud: "Dan janganlah kamu menghampirkan zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakkan)." Dan lain-lain ayat yang zahir nyata tegas ertinya, adapun yang dikehendakkan takwil itu ialah erti yang tiada tegas dan orang Batiniyyah mentakwilkan segala erti-erti ibarat dengan keadaan sama ada secucuk atau tiada secucuk erti zahir dengan erti batin, sebab ditakwilkan pada setengah ayat-ayat Al-Quran, setengah sebabnya kerana ertinya itu majaz (bukan hakikat), setengah sebabnya lafaz itu ada mengandungi makna-makna yang bersekutu dan semua orang tiada tahu makna majaz dan makna yang ditunjukkan di dalam sesuatu ibarat, dari sebab itu dihajatkan ditakwilkan pada setengahnya bukan pada semuanya dan tiadalah diperbuat seperti kamu buat pada mentakwilkan semuanya.

Ada lain-lain kaum mendakwa: Bahawa bagi tiap-tiap zahir dan batin, seperti ahli falsafah, mereka mentakwilkan zahir sesuatu bersetuju dengan akal dan syarak, seperti mereka berkata: Sembahyang itu ialah hadir hati dan munajat hati, seperti sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, yang bermaksud: "Tiada ada sembahyang melainkan dengan ada hadir hati dengan sembahyang itu." Dan seperti sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang ertinya: Orang yang sembahyang itu "bermunajat akan Tuhannya." Sabda Rasulullah yang ertinya: "Sembahyang Meraj orang Mukmin." Oleh itu ahli falsafah itu meninggalkan zahir rukun sembahyang dari rukuk, sujud, berdiri dan duduk yakni mereka sembahyang dengan tiada rukuk, sujud dan lain.

Ahli falsafah berkata puasa itu menahan diri dari syahwat dan dari segala yang haram, begitulah mreka berkata pada lain-lain ibadat, mereka takwilkan di atas rupa yang diterima oleh akal dan bersetuju dengan Syarak, sungguhpun begitu, maka umat Islam telah menghukumkan ahli falsafah dengan kufur dan keluar dari Islam, kerana mereka menolak apa yang diketahui telah sabit adanya dalam Islam. Kerana dalam Islam erti sembahyang itu percakapan-percakapan dan kelakuan-kelakuan yang di mulakan dengan Allahu Akbar dan disudahkan dengan salam As-Salamu Alaikum dengan ada syarat-syarat yang tertentu. Erti percakapan bacaan yang termaklum dalam sembahyang dan kelakuan iaitu rukuk sujud, berdiri, duduk bagaimana tersusun dalam sembahyang. Barangsiapa sembahyang dengan tiada rupa yang di atas ini dan mengubah sembahyang itu dan ditakwilkan dengan cara lain iaitu mengubah, mengurang dan menokok akan sembahyang itu maka ia orang kafir sebagaimana kufurnya ahli falsafah tadi dan kufurnya orang Batiniyyah yang menakwilkan sembahyang dengan berbagai-bagai takwil itu, Kerana mereka mengubah hakikat sembahyang yang sabit terang adanya dalam Islam atau lain-lain hakikat ibadat.

WALLAHUAKLAM

(Bersambung)



DAYANG Salmah



DAYANG Isitah

## Ikuti kursus di Singapura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang kakitangan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka kini berada di Singapura bagi Latihan Penempatan di National Library selama dua bulan di sana.

Mereka ialah Dayang Isitah binti Sulaiman dan Dayang Salmah binti Haji Kadir. Latihan mereka ini adalah melalui Skim Latihan Dalam Perkhidmatan.

# UMAT ISLAM SENTIASA HADAPI CABARAN-CABARAN YANG BERMACAM BENTUK




MARILAH kita bertakwa ke hadrat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Di dalam kehidupan hari ini umat Islam sentiasa menghadapi cabaran-cabaran yang bermacam-macam bentuk. Di antaranya ada yang berbentuk buah-buah fikiran atau sebutan-sebutan yang saintifik yang dicipta khas oleh mereka yang tidak suka kepada Islam dan sekali gus tidak suka kepada penganut-penganut Islam. Mereka beranggapan bahawa Islam dan penganut-penganutnya itu mengancam rancangan-rancangan yang telah diatur oleh mereka dan mereka membuat andaian bahawa Islam lebih merbahaya daripada fahaman komunis.

Cabaran-cabaran itu yang dihadapi oleh umat Islam tidak akan berhenti malah akan berterusan sehingga bila-bila masa dan di mana ada umat Islam itu tinggal. Ini bukanlah teka-teki yang senghaja direka-reka tetapi oleh suatu hakikat dan kenyataan berasaskan keadaan-keadaan yang wujud. Musuh-musuh Islam akan sedap hati bila melihat umat Islam lemah dalam ertikata mereka (umat Islam) hilang kekuasaan dalam negara mereka sendiri dan lebih dahsyat lagi mereka hilang kepercayaan terhadap ajaran-ajaran Islam itu sendiri.

Nah! Sekarang mari kita lihat secara ringkas bagaimana musuh-musuh Islam itu menyusun dan mengatur rancangan yang begitu licin dan halus melalui fikiran-fikiran dan pendapat-pendapat yang meracuni umat Islam sehingga umat Islam itu sendiri tidak menyedarinya. Umpamanya pemikiran yang ditimbulkan oleh ahli-ahli cerdik pandai Barat telah mengeluarkan pendapat bahawa alam ini sebenarnya terikat dengan peraturan-peraturan yang tetap (tabii). Pada pendapat Islam bahawa pendapat itu sudah salah, sebetulnya bahawa alam ini ditadbirkan oleh Allah Subhanahu Wataala.

Kemudian timbul pula pendapat lain yang memerangkan bukan sahaja umat Islam malah orang yang bukan Islam iaitu pendapat Darwin yang mengatakan asal kehidupan manusia ini bermula dari Amebia melalui berbagai-berbagai proses (berasal dari beruk). Tujuan Darwin ini sudah tentu untuk menolak dakwaan Islam bahawa manusia berasal dari Adam ciptaan Allah. Dari buku propaganda Barat yang diterbitkan untuk bacaan umum dan menjadi rujukan kepada penuntut-penuntut sering didedahkan kenyataan-kenyataan yang palsu misalnya Islam itu tersebar dengan kekerasan dengan menggunakan mata pedang. Islam itu sama sahaja ajarannya dengan komunis. Islam menghalalkan sistem perhambaan. Ayat Al-Quran diubah-ubah mengikut tafsiran mereka dan bermacam lagi tohmah dan cara yang menghina Islam. Seperti nama-nama Allah diselitkan atau ditulis di kasut-kasut, di kain-kain baju dan nama Nabi Muhammad diberikan kepada anjing dan berbagai-bagai lagi.

Musuh-musuh Islam juga tidak henti-hentinya menyelar orang yang bercakap tentang ugama diberi cap sebagai tidak moden, sudah tidak sesuai, sudah lapuk, dunia sekarang sudah maju tidak perlu ajaran-ajaran ugama. Kemudian timbul pula fahaman-fahaman keduniaan. Fahaman ini cuba memisahkan ugama dari dunia kononnya ugama itu tidak ada hak dan tidak boleh terlibat dalam urusan ekonomi dan negara. Orang-orang ugama cuma layak duduk di masjid-masjid, di surau-surau dan di majlis-majlis membaca doa sahaja. Fungsi mereka terhadap masyarakat habis setakat ini.

Semuanya yang telah dijelaskan itu sebenarnya ialah taktik-taktik musuh belaka yang perlu kita ketahui dan fahami. Hendaknya kita orang-orang Islam perlu tahu hal ini supaya kita tidak terpengaruh dan masuk ke dalam perangkap musuh-musuh itu, terutama di kalangan generasi muda dan kaum cerdik pandai. Perkara ini menjadi kewajipan yang utama kita sama-sama menolak dan memerangi pemikiran-pemikiran dan falsafah-falsafah yang sesat lagi beracun itu. Ugama Islam ialah ugama akidah, syariat dan akhlak yang sudah sempurna dan diredai Allah untuk mengatur kehidupan dunia dan akhirat manusia bukan sebagaimana yang dimomok-momokkan musuh.

# *Kupasan bacaan dalam duduk antara dua sujud*

DI DALAM duduk di antara dua sujud, kita disunatkan meletakkan tangan kanan di atas paha kanan dan tangan kiri di atas paha kiri sambil meluruskan jari jemari mengadap Kiblat di hujung lutut dengan direnggangkan jari-jari itu sedikit dan saat-saat duduk di antara dua sujud yang ringkas itu, kita disunatkan mengisi dengan bacaan-bacaan berikut:

Rabbighfirli Warhamnii wajburni warfa' warzuqnii wahdinii wa'aafinii wa'fu'anni

*Ertinya: "Ya Tuhanku! Kurniakan keampunan kepadaku, kurniakanlah rahmat ke atasku, dan sempurnakanlah kekuranganku, dan angkatlah darjatku dan limpahkanlah rezeki kepadaku dan jauhkan bala bencana dariku."*

Walaupun duduk di antara dua sujud itu merupakan detik-detik waktu yang pendek, tetapi itulah detik-detik waktu yang amat penting bagi seorang hamba mengangkatkan doa ataupun menyembahkan permohonan-permohonan pokok yang menjadi asas kesempurnaan dan kebahagiaan kehidupan dunia dan akhirat.

Ungkapan-ungkapan doa itu kelihatan begitu ringkas dan pendek, namun padat dan cukup dengan seluruh keperluan seorang manusia yang ingin hidup sebagai seorang Muslim yang aktif dan positif, kerana setiap ungkapan itu membayangkan hasrat dan keinginan untuk berdiri dan hidup sebagai manusia jujur yang bertaubat pada setiap kesalahan, senang-lenang, selamat sejahtera, sihat dan afiat, bergerak dan bertindak di bawah bimbingan dan hidayat Allah. Hilang pohon diganti, cacat cela pohon ditampal, kurang pohon disempurnakan, rezeki melimpah ruah dan mempunyai kedudukan yang baik di sisi Allah dan manusia. Inilah intisari kandungan doa-doa dan hasrat-hasrat yang dituturi kepada Allah dalam sembahyang dan inilah sifat peribadi manusia Muslim yang mahu dibentuk dan diasuh melalui ungkapan doa di dalam duduk di antara dua sujud.

Setiap kali penyembahyang itu berdoa di antara dua sujud, dia seolah-olah berkata: "Ya Allah, Ya Tuhanku! Jadikanlah hamba seorang manusia yang mencintai jalan-Mu yang benar, jika hamba tersasul dan menyeleweng dalam perjuangan hidup minta diampunkan dan minta ditegakkan kembali di atas jalan yang benar. Janganlah Engkau biarkan hamba terus bergelumang dengan dosa dan terus terpaku dalam maksiat dan terus hanyut dalam kefasikan. Ya Allah! Kurniakanlah rahmat-Mu yang limpah dalam segala bentuk iman yang kukuh, atau dalam bentuk ilmu pengetahuan yang berguna, atau dalam bentuk kesihatan dan ketenteraman, atau dalam bentuk kehidupan yang baik yang Engkau redai. Ya Allah! Hamba pohonkan dari-Mu agar segala cacat cela diri hamba diganti dengan kebaikan-kebaikan yang lain, segala kekurangan dan kelemahan hamba diatasi dengan sebaik-baiknya. Ya Allah! Jauhkanlah diriku dan keluargaku dari segala malapetaka hidup di dunia dan azab sengsara hidup di akhirat. Ya Allah, Ya Tuhanku! Tetapkan hidupku di atas jalan ugama yang lurus dan segala tindak-tanduk sentiasa dibimbing oleh hidayah-Mu. Janganlah Engkau biarkan hamba disambar oleh bimbingan-bimbingan syaitan dan kemahuan-kemahuan nafsu yang buas."

Segala apa yang dibaca dan doa-doa dalam duduk di antara dua sujud itu bukanlah semata-mata ucapan dan permintaan menunggu durian runtuh atau menunggu pemberian yang disogok dalam dulang emas atau menunggu pemberian yang dihujankan dari langit, atau dibawa oleh jin lampu ajaib Aladdin, malah seluruh bacaan dan doa itu merupakan matlamat-matlamat perjuangan yang diisytiharkan pernyataannya di hadapan Allah dan akan diikuti pula dengan perjuangan dan usaha-usaha gigih, sabar, tekun, yakin dan reda penuh harapan kepada pertolongan, taufik dan hidayat Allah agar segala hasrat itu dapat dicapai dengan jaya melalui perjuangan-perjuangan yang wajar dan terlepas dari sebarang rintangan di tengah jalan.

Hikmat doa dalam Islam, pertama selain daripada merupakan isi dari ibadat, dia

## *Menuju keredaan Allah*

adalah dinamik yang melahirkan tenaga bergerak dan bertindak, dan melahirkan kemahuan dan keazaman yang kukuh pada jiwa seseorang untuk mencapai apa yang dihasratkan dan didoakan. Dan kedua, doa merupakan penyataan satu iktikad agung bahawa hanya kepada Allah sahaja yang layak dipanjatkan segala permohonan dan diletakkan segala penghargaan kerana Dialah sahaja yang memiliki seluruh sumber kehidupan dan kebahagiaan manusia.

## Pertukaran pegawai-pegawai kanan Pasukan Polis

PESURUHJAYA Polis Negara Brunei Darussalam mengumumkan pertukaran beberapa orang pegawai-pegawai kanan pasukan tersebut ke beberapa daerah di negara ini.

Penguasa Polis, Dato Haji Abd Rahman bin Abd Hamid, Ketua Latihan bertukar ke Daerah Brunei dan Muara dengan jawatan Pemangku Pegawai Pemerintah bagi Daerah Polis Brunei dan Muara mulai 1 Ogos lepas.

Sementara Penguasa Polis, Hussien bin Haji Hidup, Pegawai Pemerintah Polis Daerah Brunei-Muara akan menjadi Pegawai Pemerintah Polis Daerah Belait. Seterusnya Penguasa Polis, Pengiran Indera Perkasa Pg Haji Hamdan bin Pg Haji Ismail, Pegawai Pemerintah Polis Daerah Belait akan bertukar menjadi Ketua Latihan dan Komandan Pusat Latihan Polis.

Kedua-dua pertukaran pegawai-pegawai kanan tersebut akan bermula pada 10 Ogos 1985 ini.

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 7 Ogos, 1985 hingga ke hari Selasa 13 Ogos, 1985 adalah seperti di bawah ini : —

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATA-HARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| Ogos | | | | | | | | | | | | |
| 7-10 | 12.30 | 3.47 | 3.48 | 6.38 | 6.39 | 7.49 | 7.50 | 4.57 | 4.43 | 4.58 | 6.15 | 6.16 |
| 11-13 | 12.29 | 3.46 | 3.47 | 6.37 | 6.38 | 7.48 | 7.49 | 4.57 | 4.43 | 4.58 | 6.15 | 6.16 |

**Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.**

# PESTA TAMU PANTAI DI DAERAH TUTONG

TUTONG. — Tamu Pantai sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ke-39 tahun bagi daerah ini telah berlangsung di Pantai Seri Kenangan di sini pada Ahad lepas.

Tetamu kehormat majlis, Awang Abd. Aziz bin Mohammad, Pegawai Daerah Tutong ketika merasmikannya menjelaskan, tujuan utama pesta itu diadakan ialah untuk menghidupkan kembali serta memperlihatkan kepada generasi-generasi masa ini akan ciri-ciri kebudayaan dan tradisi datuk nenek mereka yang hampir lenyap oleh pengenalan alat-alat moden di zaman sains dan teknologi di samping untuk mengenalkan pantai itu sebagai tempat peranginan orang ramai menghilangkan penat lelah sambil menyedut udara bersih.

Bagaimanapun beliau merasa kesal kerana ada segolongan kecil orang-orang yang tidak bertanggungjawab membuang sampah sarap di merata-rata tempat di kawasan itu dan berharap agar orang ramai akan mengamalkan sikap bertanggungjawab bagi sama-sama menghargai kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh kerajaan serta menjaga kebersihan kawasan pantai.

"Apa yang kita harapkan ialah supaya setiap orang akan mengamalkan sikap bertanggungjawab dan sama-sama menjaga kebersihan pantai ini, supaya pantai kita terkenal dengan kebersihannya dan akan terus bebas dari pencemaran alam," ujar beliau.

Seperti kelazimannya di tahun-tahun lalu Pesta Pantai adalah merupakan acara kemuncak di antara acara-acara yang telah diatur oleh Jawatankuasa Tertinggi Perayaan bagi daerah ini. Pada tahun ini sebanyak 19 acara peraduan yang telah disediakan bagi penyertaan orang ramai di samping acara-acara pementasan yang berupa persembahan kebudayan dan kesenian serta persembahan hiburan.

Lebih 500 orang telah menyaksikan pesta itu yang diadakan sehari suntuk dan acara tersebut termasuklah pesta permainan catur, permainan dam, permainan dart, lumba BMX, mengibai rambat, memotong kayu, tarik kalat berseorangan, menganyam ketupat, meraut penyapu lidi, menuhur atap, mengupas kelapa, mengupas nenas, meniup belon, membawa bola, main layang-layang, lumba dalam guni, main bola jaring dan lumba motor sangkut.



SELEPAS merasmikan Pesta Tamu Pantai, Pegawai Daerah Tutong, Awang Abd. Aziz bin Mohammad dengan diiringi oleh Pengerusi Tamu Pantai Awang Ismail bin Bahari serta jemputan-jemputan khas untuk menyaksikan acara-acara pantai. — Gambar oleh Haji Ahim bin Haji Ibrahim.

# Peraduan kanak-kanak sihat

TUTONG. — Peraduan Kanak-kanak Sihat sempena sambutan Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam kali ke-39 tahun anjuran Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) cawangan Tutong bagi daerah ini telah berlangsung di Dewan Kemasyarakatan di sini pada Jumaat lepas.

Majlis petang itu dimulakan dengan ucapan yang disampaikan oleh Pengerusi Peraduan Kanak-Kanak sihat, Dayang Hajjah Zaimun binti Abd. Latif, ini kemudiannya diikuti dengan penyampaian hadiah yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis Dayang Mariam binti Haji Ali, isteri Pegawai Daerah Tutong kepada pemenang-pemenang peraduan.

Seramai 120 orang kanak-kanak menyertai peraduan bagi daerah ini yang terbahagi kepada empat kumpulan. Pemenang pertama dalam kumpulan 'A' iaitu kanak-kanak berumur 4 hingga 8 bulan ialah Awang Rosmeyzan bin Muhammad mendapat markah 95%. Kedua Dayang Norshahriah binti Takong 94% dan ketiga ialah Awang Hasnor Ardy bin Hassan 92%.

Kumpulan 'B' iaitu kanak-kanak 8 — 12 bulan, johan disandang oleh Awang Muhammad Ashady bin Bolhassan 79%, naibnya ialah Dayang Rina Nurhafizah binti Abd. Rani 76% dan tempat ketiga ialah Awang Mohd. Lillah bin Mohd. Zain 75%.

Johan kumpulan 'C' bagi kanak-kanak 12 — 18 bulan, johan ialah Awang Mohd. Ramli bin Mohd. Jaafar 88%, naibnya ialah Awang Fadil Bahrin bin Abdul Hamid 86% dan tempat ketiga Dayang Hasnor Azizey binti Hassan 85%.

Johan dalam kumpulan 'D' bagi kanak-kanak 18 — 24 bulan ialah Awang Abdul Azzim bin Safari 96%, kedua ialah Awang Epa Rizzan bin Usin 94% dan ketiga ialah Rosmohizan Ardiana binti Muhammad 93%.



SALAH seorang peserta johan, ketika menerima hadiah yang berupa mainan yang telah disampaikan oleh Isteri Pegawai Daerah Tutong, Dayang Mariam binti Haji Ali. — Gambar Haji Ahim Haji Ibrahim.

# Perarakan kereta berhias bagi Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Beribu-ribu orang membanjiri Pekan Belait malam Sabtu lepas untuk menyaksikan Perarakan Kereta dan Basikal Berhias serta Tanglung Berjalan Kaki, sempena Perayaan Hari Keputeraan ke-39 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam di daerah itu.

Perarakan sejauh empat batu itu telah disertai oleh 36 buah pasukan tanglung, 11 buah kereta berhias dan empat buah basikal berhias, dari sekolah-sekolah Kerajaan, Misi dan China, Jabatan-Jabatan Kerajaan, pertubuhan awam dan orang perseorangan.

Pasukan perarakan bergerak dari Padang Kelab Ria di sini, menuju ke Jalan Bunga Raya, Jalan Pretty dan ke Jalan Sungai sebelum menuju balik ke Padang Kelab Ria. Perarakan malam itu didahului dengan persembahan pancaragam Sekolah Misi dan diakhiri dengan persembahan Tarian Naga.

Sementara itu, Sungai Belait juga telah menjadi kunjungan orang ramai hari Ahad lalu, bagi sama-sama menyaksikan acara Lumba Perahu. Kira-kira 21 acara perlumbaan telah dipertandingkan. Hadir di kedua-dua upacara itu ialah Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah tersebut.



SATU dari kepala perarakan dari pasukan Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan yang juga mengambil bahagian. Gambar oleh Harun Rashid.

# Peraduan Manifestasi Puisi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kumpulan PUTRA SENI sekali lagi meraih kemenangan dalam Peraduan Manifestasi Puisi senegara sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ke-39 tahun di Dewan Pusat Belia pada 21 Julai lepas.

Peraduan itu yang diselajurkan dengan Pertandingan Hadrah telah dirasmikan oleh Timbalan Pengerusi III, Awang Haji Abd Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Awang Haji Abdul Rahim, Penolong Pegawai Daerah Brunei-Muara.

Kumpulan Putra Seni II menjadi johan manifestasi dengan membawakan puisi 'Dalam Perhitungan' tulisan Adi Kelana dan diarah oleh Dayang Hajjah Norleha Haji Abd Rahman.

Naib johan pula disandang oleh Kumpulan Putra Seni I dengan membawakan puisi 'Mencari' yang diarah oleh Mohd Noor Haji Metassan.

Hadiah ketiga pula dimenangi oleh Kumpulan PANCIR SENI yang membawakan puisi 'Gores Garis 7.1.1979' karya K. Manis dan diarah oleh Mohd Yusof Haji Ahmad.

Hadiah saguhati juga diberikan kepada pasangan suami isteri, Awang Haji Tarsat Haji Damit dan Dayang Kasmah Haji Abu Bakar.

Dalam Pertandingan Hadrah pula, johan telah dimenangi oleh Kumpulan hadrah GEMA NEGARA, tempat kedua Kumpulan Hadrah Kampong Mentiri dan tempat ketiga Kumpulan Hadrah GEMA BUDAYA.

Majlis itu diakhiri dengan sebuah persembahan puisi khas dari Kumpulan PUTRA SENI.

# PUTRA SENI bersama meriahkan perayaan

BANGAR. — Salah sebuah kumpulan yang masa ini giat memperjuangkan seni budaya bangsa, Kumpulan PUTRA SENI telah sama-sama memeriahkan suasana sambutan Perayaan Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-39 tahun di daerah ini.

Persembahan khas memakan masa tiga jam itu telah berlangsung di tanah lapang Dewan Kemasyarakatan di malam terakhir persembahan aneka warna pada 22 Julai lepas.

Di antara persembahan kebudayaan yang menarik malam itu ialah Taridra Kampong Ayer, Mukun Menyubuh, lagu-lagu Asli Brunei, seni silat dan Rangkaian Tiga Puisi Drama yang pernah menjadi johan manifestasi puisi seluruh negara.

Di antara yang hadir menyaksikan persembahan malam itu ialah Penolong Pegawai Daerah Temburong dan jawatankuasa-jawatankuasa sambutan perayaan.



SALAH sebuah persembahan kebudayaan di pertunjukan malam itu, 'TARIDRA KAMPONG AYER'.



YDM Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan mengucapkan selamat belayar kepada salah seorang bakal haji. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.



BAKAL-bakal haji menaiki bas untuk pergi ke Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas. — Gambar oleh Harun Rashid.

# "SELAMAT PERGI DAN SELAMAT KEMBALI, SEMOGA MENDAPAT HAJI YANG MABRUR"



LAPANGAN Terbang Antarabangsa Berakas dan kawasan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakillah Hayatul Bolkiah di Kampong Serusop dibanjiri oleh kaum keluarga dan sanak saudara bakal-bakal haji negara ini yang telah berlepas ke tanah suci Mekah bagi menunaikan Fardu Haji dengan tujuh penerbangan sewa khas Syarikat Penerbangan MAS.

SEBAHAGIAN daripada bakal-bakal haji menaiki pesawat MAS yang disewa khas bagi membawa bakal-bakal haji Negara Brunei Darussalam. — Gambar oleh Ak. Abu Bakar PHO. Gambar bawah menunjukkan pemeriksaan keselamatan ke atas beg bakal-bakal haji. Gambar oleh Harun Rashid.

Pada tahun ini sejumlah 2,863 orang telah menunaikan Fardu Haji. Pemergian mereka ke sana telah diiringi oleh 77 orang pegawai perhubungan haji dan pegawai perubatan.

Sebelum menaiki pesawat bakal-bakal haji terlebih dahulu ditempatkan di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakillah Hayatul Bolkiah di Kampong Serusop bagi pemeriksaan keselamatan, tiket dan juga paspot.

Turut mengucapkan selamat belayar kepada bakal-bakal haji termasuklah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan dan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Seruddin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama.



KAUM keluarga dan sanak saudara bakal-bakal haji berkumpul di kawasan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakillah Hayatul Bolkiah di Kampong Serusop. Gambar oleh Ak Bahar PHO (bawah). Sementara gambar kanan memperlihatkan deretan beg-beg bakal-bakal haji yang dihantar sehari sebelum penerbangan. Gambar oleh Rabaee Sabli.





PASPORT-pasport bakal-bakal haji terlebih dahulu diperiksa sejurus sebelum penerbangan seperti kelihatan dalam gambar. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.



# rtb/intisari minggu ini

## Radio Minggu Ini:

# RADIO DENGAN SOALAN DI UDARA

DALAM menguji kebolehan dan peringatan awda pada mengikuti perkembangan dunia dan peristiwa di tanahair kita ini, radio akan sentiasa membuat beberapa persoalan untuk awda pendengar dan juga peminat bagi sama-sama menyertai dengan apa yang kami namakan Soalan Di Udara.

Dalam rancangan mingguan Soalan Di Udara yang cuma memakan waktu kira-kira 15 minit itu, kami percaya ianya sedikit sebanyak boleh menambahkan pengetahuan awda sekalian. Dengan kata lain ianya banyak menguji awda dalam pengetahuan am atau pengetahuan umum, baik ianya peristiwa di dalam negara kita sendiri mahupun di luar negeri.

Menyorot kepada pengetahuan am atau umum ini, ianya boleh dijadikan bahan rujukan kita pada bila-bila waktu yang amat kita perlukan, kerana itu sesuailah radio ini memberikan berbagai-bagai sumber pengetahuan untuk awda skopkan dalam menimba dan mencari ilmu pengetahuan yang melata di persekitaran kita.

Tinggal lagi kita seharusnya pandai-pandailah memadankan diri dengan suasana yang amat kita perlukan, terutama dalam mencari bahan-bahan yang seharusnya kita jadikan arkib khazanah untuk kita sendiri.

Minggu ini umpamanya, Soalan Di Udara mengemukakan soalan yang berbunyi: "Apakah nama kumpulan pulau yang terletak di Laut Pasifik di timur Fiji?"

Dalam soalan ini, sudah barang tentu para peminat yang ingin menyertai rancangan ini akan cuba dan terus mencari dengan apa yang diajukan oleh radio itu. Pendeknya peminat atau peserta akan mulalah membuka nota-nota Ilmu Alam misalnya, tengok peta atau sebaliknya.

Secara tidak langsung rancangan ini akan cuba menimbakan ingatan dan kebolehan awda untuk mengetahui kehendak soalan yang dimaksudkan itu. Nasib baik awda berjaya, maka ini membuktikan yang awda itu sudah menambahkan lagi satu tingkat ilmu pengetahuan yang orang lain tidak mengetahuinya.

Boleh dikatakan rata-rata rancangan yang dikeudarakan oleh Radio Brunei dewasa ini menampakkan dedikasinya ke arah ilmu pengetahuan yang mencabar masyarakat setempat kita dalam semua bidang kehidupan.

## PENYAMPAI RANCANGAN KANAK-KANAK

RADIO Televisyen Brunei menghendaki seorang penyampai bagi sebuah rancangan untuk kanak-kanak.

Pemohon-pemohon mestilah di antara 20 hingga 30 tahun dan fasih berbahasa Melayu dan Inggeris.

Keterangan lanjut dan borang permohonan boleh diperolehi dari Pelita Brunei atau berhubung terus kepada:

Penerbit Kuiz Bahasa, Bahagian Kanak-Kanak, Radio Televisyen Brunei, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup ialah 15 Ogos, 1985.

# MUTIKA PERINGKAT SEPARUH AKHIR KEEMPAT

RANCANGAN Separuh Akhir keempat dan terakhir Mutika 1985 akan dapat awda saksikan di kaca TV pada hari Sabtu 10 Ogos mulai jam 7.20 malam. Peserta-pesertanya terdiri dari Jait Sidek, Ak Musrah Pg Haji Damit, Siti Sara Haji Mohd Salleh, Nik Ismail Minuddin, Serudin Kambar, Salmiah Haji Hasbullah, Hasnan Haji Metussin dan Mariam Hanifah.

## Sandiwara Radio:

# "MENCARI SINAR"

SANDIWARA Radio Minggu Ini berjudul MENCARI SINAR tulisan ZAINORIN ISMA, Brunei.

Sandiwara yang bertemakan pengorbanan ini mengemukakan perwatakan penting sepasang suami isteri, Rahim dan Salina. Walaupun mereka sampai mendirikan rumahtangga, tetapi perkahwinan mereka tetap tidak direstui oleh orang tua kedua-dua belah pihak.

Mengenangkan nasib mereka itulah, mereka berazam untuk memperbaiki nasib tanpa melibatkan dan menyusahkan orang lain. Dalam pada itu mereka berjanji untuk sama-sama setia dan menghadapi masa depan mereka dengan tabah.

Atas dorongan Salina, Rahim bersetuju untuk melanjutkan pelajarannya dan mengambil bidang kedoktoran. Selama tujuh tahun ia menuntut di luar negeri dan dalam masa itulah Salina bertindak sebagai ibu dan ayah kepada anaknya. Di samping itu juga ia perlu mengirimkan wang untuk biaya suaminya di luar negeri.

Walaupun ia berazam untuk tidak menyusahkan orang tuanya, tapi setelah terdesak ia datang juga menemui ibunya dengan harapan untuk mendapat bantuannya bagi menjual tanah bahagiannya. Semua ini dilakukan untuk membantu perbelanjaan suaminya di luar negeri. Walaupun ibunya mula-mula enggan melakukannya, tapi akhirnya terpaksa juga menurut kehendak Salina.

Akhirnya Rahim kembali juga dengan membawa kejayaan. Malangnya setelah mendapat apa yang dicita-citakan, Rahim mula berubah sikap dan tidak menghargai sama sekali akan jasa dan pengorbanan Salina selama ini.

Apakah perubahan Rahim itu akan menjejaskan hubungan mereka sebagai suami isteri? Atau dapatkah mereka mencari sinar kebahagiaan yang mereka idam-idamkan itu? Ikutilah siarannya pada 11 Ogos, 1985 jam 11.15 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Zainab Haji Mohd Taha.



PERSATUAN PESAKA Keriam dari Daerah Tutong akan mengambil tempat dalam menyertai rancangan Nada Pedoman untuk siaran 9 Ogos hari Jumaat jam 9.30 pagi dan diulang pada 15 Ogos hari Khamis jam 2.30 petang. Beberapa buah lagu dakwah akan dapat awda nikmati menerusi rancangan 30 minit terbitan Hasnan Suhili.

## Tetamu Radio

MENERUSI Tetamu Radio keluaran hari Ahad 11 Ogos jam 4.30 petang awda akan berpeluang berkenalan dengan Ibu Rieka Hartono Suatan. Beliau aktif dalam bidang seni kerajinan tangan. Rancangan ini akan diulang pada hari Rabu jam 2.00 petang.

## Dari Pendengar Untuk Pendengar

PESERTA yang mengisikan rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar keluaran minggu ini ialah Ak Jaya Shahbani Pg Bakar yang beralamat No. 21 Kampong Kianggeh, Bandar Seri Begawan dan tarikh siarannya hari Selasa 13 Ogos jam 4.00 petang.

## Mari Memasak:

# *Ayam Tandoori*

**Bahan-bahannya :**

- 1 ekor (2 paun) panggang
- 1 biji bawang besar
- 4 biji bawang putih
- 1 inci halia
- 1 sudu teh serbuk ketumbar
- ½ sudu teh serbuk lada
- 2 sudu teh garam
- ¼ pain Tairo atau cuka
- 1 sudu meja mentega
- ½ sudu teh serbuk kunyit.

**Cara-cara memasaknya :**

Bersihkan ayam, jangan dipotong tetapi calarkan sedikit bahagian atas ayam itu. Bawang besar, bawang putih dan halia digiling bersama hingga halus. Gaulkan bahan-bahan serbuk, cuka dan tairo. Remaskan bahan tadi ke atas ayam dan peramkan selama 2 hingga 3 jam. Panaskan oven dan bakarkan ayam selama ½ jam atau sehingga masak. Sapukan mentega yang telah dicairkan. Hidangkan bersama potongan-potongan limau, bawang, tomato dan timun.

# Rancangan Rancangan RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

**SIARAN F.M. STEREO**

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

**GELOMBANG SEDERHANA**

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP-TIAP HARI:

**PAGI**

| | |
|---|---|
| 6.00– 6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Sinaran Wahyu |
| 6.15 | Pedoman Hidup |
| 6.30 | Membacakan Susunan Rancangan |
| 6.33 | Dendang Suria |
| 7.00 | Dendang Suria |
| 7.10 | Panduan Sukan |

**TENGAH HARI**

| | |
|---|---|
| 11.30–12.45 | Untuk Awda |
| 1.00 | Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad) |

**PETANG**

| | |
|---|---|
| 4.30 | Rampai Petang |
| 6.00 | Menuju Keredaan Allah Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin. |

**MALAM**

| | |
|---|---|
| 7.30 | Majalah Radio |
| 10.15 | Bacaan Al-Quran |
| 10.25 | Doa Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan. |

## WARTA BERITA:

| | |
|---|---|
| 6.45 pagi | (Berita Perdana) |
| 8.00 pagi | |
| 10.00 pagi | |
| 12.45 tengah hari | |
| 1.30 tengah hari | (hari Jumaat) |
| 3.00 petang | |
| 5.30 petang | (Berita Perdana) |
| 8.00 malam | |

**MENYIARKAN AZAN:**

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

## HARI RABU 7 OGOS

PAGI: 9.00 — Taman Mekar (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan.

TENGAH HARI: 1.30 — Mutiara Asli.

PETANG: 2.00 — Tetamu Radio (SU), 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30 — Forum (SU), 4.00 — Suara Kugiran (SU), 4.30 — Ruangan Katani, 5.00 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.30 — Senandung Malam.

## HARI KHAMIS 8 OGOS

PAGI: 9.00 — Lagu Dari Kaset, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Ronggeng Tanahair (SU), 10.30 — Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30 — Senandung Lagu Lama.

PETANG: 2.00 — Hiburan Petang, 2.30 — Nada Pedoman (SU), 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Majalah Ugama, 4.00 — Drama Dari Novel, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Lagu-lagu Berirama Asli, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

## HARI JUMAAT 9 OGOS

PAGI: 9.00 — Majalah Radio (SU), 9.30 — Nada Pedoman, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00 — Mutika '85 Separuh Akhir siri 4, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU).

TENGAH HARI: 12.15 — Bacaan Al-Quran, 12.30 — Lagu-lagu Asli, 1.15 — Selingan Irama, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00 — Keluarga Si Awang, 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Dendang Si Alai, 3.30 — Mingguan Pelajar, 4.00 — Permintaan Jiran Tetangga, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00 — Penyanyi Harapan, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.

MALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Majalah Ugama (SU), 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Senandung Malam.

## HARI SABTU 10 OGOS

PAGI: 9.00 — Mingguan Pelajar (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 — Dendang Si Alai (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari.

TENGAH HARI: 1.30 — Mutiara Asli.

PETANG: 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Cerpen dan Salukan (SU), 4.00 — Hiburan Petang, 4.15 — Soalan Di Udara, 5.45 — Kuliah Ugama.

MALAM: 7.00 — Hiburan Malam, 8.15 — Suara Bintang-Bintang (SU), 8.45 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.15 — Permintaan Malam Minggu.

## HARI AHAD 11 OGOS

PAGI: 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Pesta Pop, 10.15—Majalah Perdana (SU), 11.00 — Ronggeng Tanahair, 11.15 — Sandiwara Radio.

TENGAH HARI: 12.00 — Tahniah dan Ucap Selamat, 1.00 — Permintaan Dua Stesen.

PETANG: 2.00 — Hiburan Petang, 2.30 — Serbanika Hiburan, 3.15 — Titian Budaya, 3.30 — Suara Kugiran, 4.00 — Hiburan Petang, 4.30 — Tetamu Radio, 5.00 — Majalah Sukan, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Seni dan Sastera, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Drama Dari Novel (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar.

## HARI ISNIN 12 OGOS

PAGI: 9.00 — Sains Dan Perusahaan, 9.30— Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Dunia Wanita (SU), 11.00 — Sukmaria.

TENGAH HARI: 1.30 — Permintaan Hari Isnin.

PETANG: 2.30 — Keluarga Si Awang (SU), 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Alam Remaja, 4.00 — Bangsawan Di Udara Iskandar Jauhari (siri ke-3), 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Ruangan Katani (SU), 8.15 — Majalah Sukan (SU), 8.45 — Kuliah Ugama, (SU), 9.00 — Serbanika Hiburan (SU), 9.30 — Kutujukan Lagu.

## HARI SELASA 13 OGOS

PAGI: 9.00 — Suara Perajurit (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-lagu Berirama Dangdut, 10.30 — Permintaan Kaum Wanita, 11.45 — Radio Minggu Ini.

TENGAH HARI: 1.30 — Senandung Lagu-lagu Lama.

PETANG: 2.00 — Kusampaikan Salam, 2.30 — Varia Peristiwa, 2.45 — Hiburan Gema Silam, 3.15 — Seni Dan Sastera (SU), 3.30 — Sukmaria (SU), 4.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Tinjauan (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Sandiwara Radio (SU), 9.00 —Forum, 9.30 — Permintaan Sukaramai.

# RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### WEDNESDAY

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Hello Tomorrow |
| 8.30 | 37th Aldeburgh Festival: City of Birmingham Symphony Orchestra — Prog. 2 (side 1 of 2) |
| 9.00 | Perspective |
| 9.30 | Talking About Music — 262/270. |

### THURSDAY

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | International Money Programme |
| 8.15 | Sixty-Minute Theatre: Sherlock Holmes Vs Dracula by Glyn Drearman. |
| 9.30 | Jazz at the Questors (Prog. 4 side 2 of 3) |

### FRIDAYS/HOLIDAYS

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | A Religious Talk: Welcome to Islam — 1/12. |
| 11.15 | Light Music from the Netherlands — 673. |
| 11.30 | Children's Half Hour by Azizah Abdullah |

NOON

| | |
|---|---|
| 12.00 | BBC Scottish Radio Orchestra — 2/6. |

P.M.

| | |
|---|---|
| 12.45 | My Music — 362/436. |
| 1.15 | Book Club: The Borrowers by Mary Norton — A classic story for children and grown-ups — 4/5. |
| 2.45 | Fifteen-Minute Theatre: Time out of Season — a nostalgic romance by Colin Finbow. |
| 3.00 | Calling On You by Ak Hishamuddin. |
| 4.00 | Chinese programmes. |
| 8.00 | A Religious Talk — 1/12 (repeat). |
| 8.15 | The World of Books. |
| 8.45 | Thirty-Minute Theatre: Passing Through by Derek Raby |
| 9.30 | A Date with ...... (repeat) |

### SATURDAY

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Hits In Germany |
| 8.30 | Animal, Vegetable or Mineral — 33/46. |
| 9.00 | Hawaiian Melodies |
| 9.30 | Top of The Pops — 1079. |

### SUNDAY

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | It's All Yours ...... produced by Ak Hishamuddin |
| 11.30 | 37th Reith Lectures—minds, brains and science by John Surle — 3/6. |

NOON

| | |
|---|---|
| 12.00 | The Barry Forgie Big Band Sound with Elaine Delmar — 1/10. |

P.M.

| | |
|---|---|
| 12.45 | Review of the Week by Ideris Ali. |
| 1.00 | Top of The Pops — 1079 (repeat). |
| 1.30 | Weekend Greetings by Hassan Haji Sha'ari |
| 2.30 | Just for variety by duty announcer. |
| 4.00 | Chinese programmes. |
| 8.00 | 37th Reith Lectures—minds, brains and science — 3/6 (repeat) |
| 8.30 | BBC Science Magazine |
| 9.00 | Beautiful Music — 10/60. |
| 9.30 | Those Were The Days — 24/26. |

### MONDAY

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Theatre Forty-Five: A Tale Of Iron by Ken Miyamoto |
| 8.45 | Shakespeare: The Actor's View — Barbara Jefford talks about Anthony and Cleopatra — 18/18. |
| 9.30 | Jim Reeves and His Music — Part 7 side 2 of 2 |

### TUESDAY

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Just For You by Jaafar Yaakub |
| 9.00 | In Sentimental Mood |
| 9.30 | Stereo Pop Special: KAJAGOOGOO dise 2. |

### DAILY

A.M.

| | |
|---|---|
| 6.29 | Jingle |
| 6.30 | Allah Peliharakan Sultan. |
| 6.32 | Quran and It's Translation |
| 6.45 | Berita Perdana (relayed from the Malay Service). |
| 7.00 | Brunei's AM, Weather Forecast, Brunei Darussalam In Reminiscence |
| 7.30 | Local News. |
| 7.35 | Tide Times presented by Azizah Abdullah. |
| 7.36 | Brunei's AM (continued) |
| 8.30 | Chinese programmes. |
| 11.00 | Ladies at Eleven except Fridays and Sundays. |

NOON

| | |
|---|---|
| 12.00 | Lunch Break except Fridays and Sundays. Prayer time announcement. |

P.M.

| | |
|---|---|
| 2.00 | Close for morning transmission on Mondays-Thursdays. |
| 4.00 | Close for morning transmission on Fridays and Sundays. |
| 9.15 | News. |

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 7 OGOS

PETANG

4.15 PEMBUKAAN / LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 PULLOVER: "Banana" and "Umbrella"
5.00 ANIMAL IN ACTION: "A Day At A Waterhole"
5.30 FAMILY TIES: "Karen II, Alex O"
6.00 BERITA AWAL
6.05 INSPECTOR GADGET
6.30 TEKA TEPAT
6.39 AZAN MAGHRIB
6.49 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TWO MARRIAGES: "Connections"
7.50 AZAN ISYAK
7.54 TWO MARRIAGES — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.15 RENCANA TEMPATAN: "Penghapusan Penyakit Campak"
9.25 HUNTER: "Garbage Man"
10.35 BUFFALO BILL
11.00 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 8 OGOS

PETANG

4.15 PEMBUKAAN / LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 WORDS AND PICTURES:
6.00 BERITA AWAL
6.05 WORLD ALIVE: "Perchland"
6.30 A WHOLE WORLD OF CHILDREN: "Denmark and Zaire"
6.39 AZAN MAGHRIB
6.49 A WHOLE WORLD OF CHILDREN — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 FINDER OF LOST LOVES: "Undying Love"
Seorang yang telah dilaporkan "hilang ketika bertugas", dan dipercayai mati, berjumpa Cary untuk mencari isteri yang ditinggalkannya. Pertemuannya sungguh mendukacitakan kerana isterinya bersuami lagi.
7.50 AZAN ISYAK
7.54 FINDER OF LOST LOVES — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIDAYAT
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.35 HAWAIIAN HEAT: "Inherited Trait"
10.35 WAYNE AND SHUSTER: "Jeckle And Hyde" Bhg II
1.00 TAYANGAN GAMBAR (ITC): "Invitation To Hell"
Kemasukan ke dalam Steaming Springs Country Club adalah menjadi keinginan kepada sesiapa yang suka menikmati kehidupan bergelar good life. Hanya sesudah berada di dalamnya akan menyedari keburukannya. Pelakon-pelakon: Robert Urich, Joanna Cassidy, Susan Lucci, dan lain-lain.
2.30 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 9 OGOS

TENGAH HARI

2.00 PEMBUKAAN / LAGU KEBANGSAAN
2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 CERAMAH UGAMA
12.30 HIDAYAT (ulangan)
1.00 THAT'S INCREDIBLE

PETANG

1.45 ITALIAN SOCCER: Milano lwn Inter, Inter lwn Juventos
3.30 THE YEARLING
3.48 AZAN ASAR
3.53 HE-MAN AND THE MASTERS OF THE UNIVERSE
4.18 KONONNYA: "Johan dan Pokok Kacang"
4.43 E.R.: "The Sister"
5.10 CHILDREN'S ISLAND
5.30 PROFILES OF NATURES: "The Marsh"
5.50 TOWARDS 2000
6.00 BERITA AWAL
6.05 TOWARDS 2000 — sambungan
6.20 TEKA TEPAT
6.39 AZAN MAGHRIB
6.49 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SIRI 'V': "The Return"
Ketua mahluk asing menyeru penghentikan kepada peperangan di bumi dan membawa Elizabeth balik bersama mereka untuk dijadikan satu alat penyambung kebudayaan bersama.
7.50 AZAN ISYAK
7.54 SIRI 'V' — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 DRAMA TVRI: "Apa Yang Kau Cari Adinda" Bhg I
9.50 MAGNUM: "Torah, Torah, Torah"
Bahaya dan kematian adalah hasil dari lawatan pendek Rabbi Asher Solomon ke Hawaii.
10.40 DALLAS: "The Verdict"
11.30 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 10 OGOS

PETANG

4.15 PEMBUKAAN / LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 DANGER MOUSE (Siri baru)
6.00 BERITA AWAL
6.05 RAINBOW: "Communications"
6.30 I DREAM OF JEANNIE: "An Astronaut In Sheep's Clothing"
Tony dan Jeannie merancang meraikan hari ke enam bulan perkahwinan mereka. Tony merasa walang kerana setiap bulan Jeannie telah meraikannya dengan mencipta hadiah-hadiah yang membazir.
6.39 AZAN MAGHRIB
6.49 I DREAM OF JEANNE — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MUTIKA SEPARUH AKHIR No. 4
7.50 AZAN ISYAK
7.54 MUTIKA — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CHARITY SHIELD (Siaran langsung)
10.30 TAYANGAN GAMBAR MELAYU: "Mat Tenggek"
12.00 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 11 OGOS

TENGAH HARI

12.00 PEMBUKAAN / LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 MUSICAL
12.29 AZAN ZUHUR
12.34 MUSICAL — sambungan
12.50 TAYANGAN GAMBAR: "Airwolf"

PETANG

2.30 SUPERGRAN: "Supergran And The Raving Beauty Contest"
3.00 ALVIN AND THE CHIPMUNKS
3.30 BENSON: "The Election"
3.47 AZAN ASAR
3.51 BENSON — sambungan
4.10 TRAPPER JOHN MD: "Buckaroo Bob Rides Again"
5.10 CHILDREN'S SPECIAL: "Cougar" Bhg I
6.00 BERITA AWAL
6.05 MR T: "Riddle Of The Runaway Wheels" (terakhir)
6.25 CHARLES IN CHARGE: "Mr Brilliant"
Charles ingin membuat sesuatu yang special untuk Mrs Pembroke dengan menjemput Max Ziegler untuk makan malam. Ziegler sungguh berlainan dari apa yang mereka sangkakan.
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 CHARLES IN CHARGE — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 FLYING DOCTOR
7.49 AZAN ISYAK
7.53 FLYING DOCTOR — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 DARI DEWAN RAYA (Siaran langsung)
9.25 HAND AND EYE: "The Ties That Bind: Fibres"
9.50 IT TAKES TWO
10.20 JESSIE: "In The Line of Duty"
11.20 FOX MYSTERY THEATRE: "Distant Scream" Bhg II
11.55 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 12 OGOS

PETANG

4.15 PEMBUKAAN / LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SMURFS: "A Little Smurf Confidence"
5.00 MIGHTY ORBOTS: "Devil's Asteroid"
5.30 SEA URCHIN
6.00 BERITA AWAL
6.05 IN SEARCH OF THE PAST
6.30 TEKA TEPAT
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SCARECROW AND MRS KING: "A Little Sex, A Little Scandal"
Amanda menyaksikan satu pembunuhan yang membawa kepada satu skandal sex yang besar di Washington.
7.49 AZAN ISYAK
7.53 SCARECROW AND MRS KING — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MARI MEMASAK: "Ayam Tandoori"
Resipinya ada dimuatkan di muka lain akhbar ini.
9.21 GIVE US A CLUE
9.50 DOCUMENTARY: River Journeys "Papua New Guinea"
10.40 BERRENGER'S: "For Gloria's Benefit"
11.30 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 13 OGOS

PETANG

4.15 PEMBUKAAN / LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 THE WIND IN THE WILLOWS: "The Yuletide Entertainment"
5.00 WORLD OF SURVIVAL: "Fair Shares For All"
Kita meninjau perkembangan industri perikanan di Lake Malawi.
5.30 THE LITTLES
6.00 BERITA AWAL
6.05 NATURAL WORLD: "The Flight of The Bumblebee"
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 NATURAL WORLD — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HOTEL
7.49 AZAN ISYAK
7.53 HOTEL — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 ARENA SUKAN
9.35 REKASENI
10.05 MIKE HAMMER: "Warpath"
Hammer naik radang kerana seorang temannya tercedera dari satu perundingan berjuta ringgit yang melibatkan pertelingkahan di antara Indians dan pembunuhan sebagai bayarannya.
11.00 SQUASH: Men's Over 35.
11.30 SIARAN TAMAT.



KOMIDI popular BENSON kembali lagi menemui peminat-peminatnya di kaca TV dengan siri keenamnya. Mereka di atas adalah beberapa dari pendukung-dukung watak penting dalam rancangan yang kini disiarkan pada hari Ahad kira-kira jam 3.30 petang.

## Kejohanan olahraga ke-18:

# AAC GONDOL 10 DARI 49 ACARA

Oleh: Ahat Ismail

MAKTAB Anthony Abell (AAC) yang ditempatkan dalam Zon 5 kejohanan olahraga Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab ke-18 menjuari 10 daripada 49 acara yang dipertandingkan.

Mereka memenangi 2 acara melalui lari 4 x 100 meter berganti-ganti lelaki C. 2 acara yang dijuarai oleh Roslan Baha dalam acara 800 meter lelaki C. Masry Damit juga menjuarai 2 acara iaitu 100 meter dan 200 meter lelaki C.

Empat peserta mereka pula masing-masing memenangi 1 acara iaitu Ak Abu Bakar Pg Kassim memenangi acara 200 meter lelaki B. Ak Abu Bakar Pg Karim menjuari acara 400 meter lelaki B. Japar Tuah menjuarai 800 meter lelaki B dan peserta wanitanya Dy Habibah Yaakub menjuarai lompat tinggi perempuan B.

Pusat Tingkatan Enam, Sekolah Menengah Ahmad Tajuddin dan Sekolah Menengah Perdana Wazir masing-masing memenangi 5 acara. Keseluruhan acara yang dimenangi oleh pasukan PTE dan SMAT melalui acara-acara bahagian wanita. SMPW meraih kesemua kemenangannya melalu peserta lelaki.

Janet Lai dan Aisah Othman yang mewakili PTE meraih kemenangan dalam 2 acara iaitu 100 dan 200 meter perempuan C disandang oleh Janet Lai, manakala Aisah Othman menjuari 400 meter perempuan C dan lompat jauh perempuan C. Dalam lari 4 x 100 meter berganti-ganti perempuan C juga dimenangi oleh PTE.

SMAT memenangi acara-acara lari 200 meter perempuan B melalui Huzaimah Kaderi, lari 800 meter perempuan B Junaidah Md Yusof, Salina Basman lompat jauh perempuan B dan peserta lelaki mereka Abd Rahman Muhammad lontar lembing lelaki B.

SMPW memenangi dalam acara 400 meter lompat pagar lelaki C melalui Zaini Daud, Md Hamli Mardi lompat jauh lelaki B, Azman Osman 2 acara iaitu lompat bergalah lelaki C dan lompat tinggi lelaki C, Voon Chung Heng bahagian lontar lembing lelaki C.

Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri dan Maktab Sains masing-masing menjuarai 4 acara. STPRI memenangi melalui Rozita Misbak dalam acara 100 meter lompat pagar perempuan C, Rosumayati Opai menjuarai 2 acara iaitu melontar perluru besi perempuan C dan lempar cakra perempuan C. Munah Ampli di bahagian lontar lembing perempuan C.

Maktab Sains pula menjuarai dalam acara lompat kijang lelaki C melalui Negiro Abol, Sumadi Kamis memenangi lompat tinggi lelaki B dan Maimunah Abd Hamid di acara lompat tinggi perempuan C.

Sekolah Menengah Berakas bersama-sama Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin masing-masing meraih 3 acara. SMB memenangi melalui peserta lelaki iaitu Ak Khairil Pg Haji Damit dalam acara 5,000 meter lelaki C, Ak Nordin Pg Haji Sulaiman dalam acara lari 100 meter lelaki B dan di acara 4 x 100 meter lelaki B.

Maktab SOAS meraih dalam bahagian 110 meter lompat pagar lelaki B melalui Ghani Haji Sabtu, Abdul Malek dalam acara lari 400 meter lelaki C, dan lompat kijang lelaki C melalui Azli Haji Daud.

Sekolah Menengah Muda Hashim, Sekolah Menengah Sufri Bolkiah dan Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar masing-masing menjuari 2 acara.

SMMH memperolehi melalui Ak Narudin Pg. PCLD Haji Damit di acara 110 meter lompat pagar lelaki C, dan melontar peluru besi lelaki C oleh Teo Seng Teck.

SMS pula menjuarai dalam acara lari 800 meter perempuan C oleh Noraini Yatam dan Judi Yatam di acara 1,500 meter perempuan C.

SMSH hanya mampu memenangi dalam acara lontar lembing perempuan B melalui Liew Ping Thong dan Rosita Patah dalam acara 100 meter perempuan B.

Sekolah Menengah Menglait dan Sekolah Menengah Bendahara Sakam Bunut meraih 1 acara saja. SM Menglait menggondol melalui perserta perempuannya Noraini Kabun dalam acara 400 meter perempuan B. Manakala SMB memperolehi melalui Kamal Shah Haji Sofri dalam acara melontar besi lelaki B.



PENYERTAAN olahragawati semakin meningkat, kelihatan Pegawai Daera[h] Brunei-Muara ketika menyampaikan hadiah-hadiah. Gambar oleh Ha[ji] Sharbini Taha.



LARI 100 meter lelaki C, peserta-peserta muda ini berlari menuju garisan penamat di Kejohanan Olahraga Sekolah dan Maktab di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

# OLAHRAGA SEMAKIN DIMINATI RAMAI

PENYERTAAN ramai penuntut-penuntut di Kejohanan Olahraga ke-18 antara Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab minggu lalu di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini membuktikan masa depan bidang olahraga negara ini semakin mendapat tempat.

Negara kita yang memang diakui ketandusan olahragawan dan olahragawati yang berkebolehan, setidak-tidaknya merasa bangga kerana terlaksananya kejohanan itu merupakan titik-tolak ke arah mengeketengahkan ahli-ahli sukan akan datang.

Dalam kejohanan itu terdapat empat peserta mempunyai kebolehan yang cemerlang. Aisah Othman (PTE) berjaya mencatatkan masa terbaru dalam acara lari 400 meter perempuan 'C' dengan kepantasan masa 67.7 saat. Sebelum ini pada tahun 1971 Tan Moi Geok (St Angela's) telah mencatatkan masa 71.0 saat.

Kemudian di acara lompat jauh perempuan 'C' Aisah Othman berjaya membuat lompatan sejauh 4.02 meter. Hanya kurang beberapa meter saja lagi untuk menyamai lompatan yang dibuat oleh Wong Yue Foom (CHMS) yang dibuatnya pada tahun 1975.

Janet Lai (PTE) pula hampir membuat masa terbaru dalam acara lari 200 meter perempuan 'C' di mana dia mencatatkan kepantasan masa 28.7 saat. Manakala dalam acara ini rekod yang dipegang oleh Dk Roslina Pg Bahar (STPRI) yang dibuatnya mencatatkan masa 28.6 saat.

Acara lari 100 meter perempuan 'C' Janet Lai berjaya mencatatkan masa kepantasan 13.4 saat, berbanding dengan masa yang dicatatkan oleh Dk Roslina Pg Bahar (STPRI) mencatatkan masa 13.0 saat.

Olahragawan-olahragawan dari AAC iaitu Roslan Baha dan Masry Damit, walaupun tidak berjaya mencatatkan masa terbaik akan tetapi keupayaan mereka menjuarai masing-masing 2 acara di kejohanan itu sudah cukup sebagai jalan perintis ke mercu kejayaan.

### BIMBINGAN ASAS

Berdasarkan kepada penyertaan dan pencapaian yang mereka perolehi itu, negara kita mampu melahirkan ahli-ahli sukan yang berpotensi memandangkan kepada bakat yang ada pada diri mereka, asalkan diberikan bimbingan, latihan, serta pendedahan yang meluas.

Hanya melalui latihan, pendedahan serta bimbingan tersebut saja nanti sekurang-kurangnya akan dapat memperbaiki prestasi dan persembahan mereka di kejohanan-kejohanan akan datang.

Sebanyak 49 acara lorong dan padang dipertandingkan. Hampir separuh iaitu 22 daripada acara-acara yang dipertandingkan dijuarai oleh sekolah-sekolah daripada Daerah Brunei dan Muara iaitu Pusat Tingkatan Enam menjuarai 5 acara, Maktab Sains, Sekolah Menengah Berakas dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri masing-masing menjuarai 4 acara, manakala Makta[b] Sultan Omar Ali Saifudd[in] menjuarai 3 acara. Sekola[h] Menengah Menglait bersam[a] sama Sekolah Menengah Be[n]dahara Sakam menjuarai acara.

Sekolah-sekolah da[ri] Daerah Belait menjuarai acara melalui Maktab A[n]thony Abell Seria yan[g] memenangi 10 acara, seme[n]tara Sekolah Inggeris Perda[na] Wazir dan Sekolah Meneng[ah] Ahmad Tajuddin masin[g]-masing memenangi 5 acara.

5 acara pula dimenan[gi] oleh peserta-peserta daripad[a] Daerah Tutong iaitu Sekola[h] Menengah Muda Hashi[m] menjuarai 3 acara, da[n] Sekolah Menengah Sufr[i] Bolkiah menjuarai 2 acara Daerah Temburong hany[a] mampu memenangi 2 acar[a] melalui Sekolah Meneng[ah] Sultan Hassan Bangar.

## Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 7 Ogos hingga 13 Ogos 1985

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah Rendah Kerajaan Serasa | 7.8.1985 | Rabu | 10.00–10.30 | pagi |
| Seko'ah Rendah Kerajaan Mentiri | 7.8.1985 | Rabu | 10.45–11.15 | „ |
| Sekolah Rendah Kerajaan Sultan Abdul Bubin Sungai Besar | 7.8.1985 | Rabu | 11.30–12.00 | t/hari |
| Sekolah Rendah Kerajaan Batu Marang | 7.8.1985 | Rabu | 2.30– 3.30 | petang |
| Sekolah Rendah Kerajaan Sungai Liang dan Lumut | 8.8.1985 | Khamis | 10.00–11.00 | pagi |
| Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah | 8.8.1985 | Khamis | 2.30– 3.30 | petang |
| Sekolah Rendah Kerajaan A. Hj. Md. Yussof Katimahar | 10.8.1985 | Sabtu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Penjara Jerudong | 10.8.1985 | Sabtu | 9.45–10.45 | „ |
| Sekolah Rendah Kerajaan Mulaut | 10.8.1985 | Sabtu | 11.00–12.00 | t/hari |
| Sekolah Rendah Kerajaan Birau | 10.8.1985 | Sabtu | 1.30– 2.30 | petang |
| Sekolah Rendah Kerajaan Kiudang | 10.8.1985 | Sabtu | 2.45– 3.45 | „ |
| Sekolah Rendah Kerajaan Lamunin | 10.8.1985 | Sabtu | 4.00– 5.00 | „ |
| Sekolah Rendah Kerajaan Haji Md. Salleh Sungai Hanching | 12.8.1985 | Isnin | 8.45– 9.45 | pagi |
| Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan | 12.8.1985 | Isnin | 1.45– 2.45 | petang |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Menengah) | 13.8.1985 | Selasa | 9.15–10.15 | pagi |
| Sekolah Rendah Kerajaan Anggerik Desa, Berakas | 13.8.1985 | Selasa | 10.30–11.30 | „ |
| Sekolah Ugama Haji Mohd Jaafar, Kampong Kiulap | 13.8.1985 | Selasa | 2.45– 3.15 | petang |
| Sekolah Ugama Kampong Mata-Mata, Gadong | 13.8.1985 | Selasa | 3.30– 4.00 | „ |
| Sekolah Persediaan Inggeris Sengkurong | 13.8.1985 | Selasa | 4.30– 5.30 | „ |

## Lulus Sijil Pengurusan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang Penyelia Kanan dari Jabatan Kemajuan Kerjasama baru-baru ini telah lulus dalam kursus Sijil Pengurusan dan Penyeliaan Kerjasama.

Kedua mereka itu ialah Awang Masri bin Haji Durahim dan Awang Aji Haji Bagol yang mengikuti kursus setahun di Institute Co-Operative Training Centre, Co-Operative College, Standford Hall, Loughborough United Kingdom.

## Peperiksaan City and Guilds

BANDAR SERI BEGAWAN — Pejabat Lembaga Peperik[saan] sedang membua[t] persiapan-persiapan ba[gi] peperiksaan City dan Guil[ds] of London Institute yang aka[n] diadakan pada bula[n] Disember akan datang.

Calon-calon sekola[h] bolehlah mendapatka[n] borang-borang permohona[n] daripada Maktab Tekni[k] Sultan Saiful Rijal, Jala[n] Muara, Sekolah Kejuruteraa[n] Jefri Bolkiah, Kuala Bela[it] dan Ketua Latihan Teknika[l] Syarikat Minyak Shell Brune[i] Sendirian Berhad di Seria.

Sementara bagi calo[n] persendirian bolehlah men[...] dapatkannya daripada Lem[...]baga Peperiksaan, di La[...]pangan Terbang Lama, Jala[n] Berakas.

Borang-borang per[...]mohonan yang telah diisika[n] hendaklah dihantar ke Pe[...]jabat Lembaga Peperiksaa[n] bersama dengan sura[t] kebenaran menduduk[i] peperiksaan dan jika ada daripada City and Guilds o[f] London Institute tidak lewa[t] daripada 31 Ogos aka[n] datang.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BIL. : PPL/MTB/115/1985**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 14 Ogos, 1985 bagi kerja-kerja berikut : —

REINFORCEMENT OF LT SUPPLY SYSTEM AT KAMPONG PALU, TUTONG VIA INSTALLATION OF A MINI COMPACT SUBSTATION AND HIGH VOLTAGE / LOW VOLTAGE UNDERGROUND CABLE.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tawaran akan diadakan pada hari Khamis pukul 3.00 petang, di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tawaran yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran-tawaran tersebut adalah $100.00.

**BIL. : PPL/MTB/116/1985**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussa'am sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 14 Ogos, 1985 bagi kerja-kerja berikut : —

PROPOSED OFFICE ACCOMMODATION FOR DISTRIBUTION STAFF AT GADONG STORE YARD.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tawaran akan diadakan pada hari Khamis pukul 3.00 petang, di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tawaran yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran-tawaran tersebut adalah $100.00.

**BIL. : PPL/MTB/117/1985**

TAWARAN-tawaran ada'ah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 14 Ogos, 1985 bagi kerja-kerja berikut : —

SUPPLY AND INSTALLATION OF SWITCHGEAR SHED AND SUBSTATION FENCING AT MILE 3 JALAN TUTONG POCKET UNIT SUBSTATION.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tawaran akan diadakan pada hari Khamis, pukul 3.00 petang di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tawaran yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah $100.00.

**BIL. : PPL/MTB/118/1985**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 14 Ogos, 1985 bagi kerja-kerja berikut : —

SUPPLY AND INSTALLATION OF SWITCHGEAR SHED AND SUBSTATION FENCING AT MILE 4 JALAN TUTONG OUTDOOR SUBSTATION.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tawaran akan diadakan pada hari Khamis, pukul 3.00 petang di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tawaran yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah $100.00.

**BIL. : PPL/MTB/119/1985**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 14 Ogos, 1985 bagi kerja-kerja berikut: —

SUPPLY AND INSTALLATION OF SWITCHGEAR SHED AND SUBSTATION FENCING AT MILE 2 JALAN TUTONG OUTDOOR SUBSTATION (GURKHA BARRACKS).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tawaran akan diadakan pada hari Khamis, pukul 3.00 petang di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tawaran yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran-tawaran tersebut adalah $100.00.

**BIL. : PPL/MTB/120/1985**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK CADANGAN SEKATAN KEPADA BILIK CETAKAN DI IBU PEJABAT JKR, LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 28 Ogos, 1985 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $100.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" atau "C" (Electrical Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

**BIL. : PPL/MTB/121/1985**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK BANGUNAN PEJABAT BAGI PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK, MUARA.

Tarikh tutup: 28 Ogos, 1985 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" dan "B" sahaja (Electrical Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL. : PPL/MTB/122/1985**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK SEMULA PERUMAHAN KELAS "F" DI ONG SUM PING KOMPLEKS PERUMAHAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 28 Ogos, 1985 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $100.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" atau "C" (Electrical Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL. : PPL/MTB/123/1985**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK SEMULA PERUMAHAN KELAS "C" DI ONG SUM PING KOMPLEKS PERUMAHAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 28 Ogos, 1985 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $100.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" atau "C" (Electrical Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL. : PPL/MTB/124/1985**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK SEMULA UNTUK PERUMAHAN KELAS "E" DI ONG SUM PING KOMPLEKS PERUMAHAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 28 Ogos, 1985 (hari Rabu) jam 12.30 tengah hari.

Cengkeram: $100.00.

Kelayakan Pemborong: Kelas "A" atau "B" atau "C" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL. : PPL/MTB/125/1985**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK SATU UNIT KELAS "E" DI PEKAN BANGAR, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 28 Ogos, 1985 (hari Rabu) jam 12.30 tengah hari.

Cengkeram: $100.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" atau "C" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL. : PPL/MTB/126/1985**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK SATU BLOK 6 UNIT (REVISED DESIGN) KELAS "E" FLAT DAN 2 BLOK 8 UNIT BARIK UNTUK BAHAGIAN AIR, SERIA.

Tarikh tutup: 28 Ogos, 1985 (hari Rabu) jam 12.30 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan pemborong Kelas "A" atau "B" atau "C" (Electrical Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**BIL. : PPL/MTB/132/1985**

Tajuk: SUPPLY OF INSULATED SERVICE CUT OUT

Tarikh tutup: 21 Ogos, 1985

Cagaran: $300.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

**BIL. : PPL/MTB/134/1985**

TAWARAN-tawaran ada'ah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12,00 tengah hari, hari Rabu 28 Ogos, 1985 bagi kerja-kerja berikut : —

KERJA-KERJA PEMELIHARAAN BAGI MEMBERSIHAN SUBSTATION PUSAR ULAK SEPERTI KERJA-KERJA MEMBUANG SAMPAH, MENYAPU LANTAI, MEMBERSIHKAN BILIK AIR DAN MEMOTONG RUMPUT.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh'ah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tawaran akan diadakan pada hari Khamis, pukul 3.00 petang, di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tawaran yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran-tawaran tersebut adalah $100.00.

**BIL. : PPL/MTB/135/1985**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussa am sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 28 Ogos, 1985 bagi kerja-kerja berikut: —

ELECTRICITY SUPPLY TO NEW CONSUMERS (7 NOS.) AT KAMPONG SELAYUN JALAN BARU LUAHAN, JERUDONG VIA INSTALLATION OF 35 NOS. OF 35FT. TUBULAR STEEL POLES.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tawaran akan diadakan pada hari Khamis, pukul 3.00 petang, di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tawaran yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran-tawaran tersebut adalah $100.00.

## TAWARAN JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BIL. : 22/1985**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 19 Ogos, 1985 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:

PLYWOOD (WBP) WEATHER BOIL PROOFED MANUFACTURED TO BSS 1455/1972 CONSTRUCTED FROM RED MERANTI WOOD AND BONDED WITH THERMO SETTING PHEONIC ADHESIVE CONFORMING TO BSS 1203 GRADE B/BB.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Ja an Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

**BIL. : 23/1985**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam, di Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 26 Ogos, 1985 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:—

PEMBEKALAN: FLAG, BRUNEI STATE, WOOLLEN SIZE: 3′ x 6′.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

**BIL. : 24/1985**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 26 Ogos, 1985 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:—

1. BED SHEET, COTTON, WHITE SIZE: 54″ x 90″
2. PILLOW CASE, COTTON, WHITE SIZE: 20″ x 29″

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbeka'an Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

## TENDER NOTICE

### SUPPLY OF DOG FOOD TO GURKHA RESERVE UNIT

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, Negara Brunei Darussalam for the supply of the following : —

"SCIENCE DIET CANINE PERFORMANCE — Dog Food. 20 lbs. Bags — Qty — 550 bags."

To be packed in strong 3 ply bags to prevent spillage and infestation and to be packed in wooden crates to ensure no damage during shipping.

2. Delivery is required in 4 instalments to arrive at Muara Port at 3 monthly intervals. The first instalment by 15 January, 1986.

3. All prices to be quoted on CIF Brunei.

4. Substitution is not accepted.

5. Tenders must be contained in a plain sealed envelope with no indication of the name of the tenderer. The envelope should be marked "SUPPLY OF DOG FOOD TO THE GURKHA RESERVE UNIT" in the top left hand corner.

6. Tenders should be placed in the Tender Box situated on 4th. Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on Monday 2 September, 1985.

7. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to the lowest or any tender.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1) PENYELENGGARA STOR TINGKAT II

(Di Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan, Kementerian Perhubungan) (Bil.: 102/85–1)

**Tanggagaji:** D. 2 EB. 3-4 — $650-$1465 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) i) Calon-calon hendaklah lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya.
ATAU
ii) Penyelenggara Stor Tingkat III yang telah ditetapkan dalam jawatan dan telah berkhidmat dalam jawatan ini sekurang-kurangnya selama 5 tahun dan mempunyai Laporan Prestasi Kakitangan yang memuaskan dan sokongan Ketua Jabatan.

b) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang Ilmu Simpan Kira, Perakaunan atau Ilmu Hisab dan dalam Penyelenggaraan Stor dan pembelian alat-alat.

c) Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah merupakan satu kelebihan.

2) JUKIKA (JURUKIRA KARGO)

(Di Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan, Kementerian Perhubungan) (Bil.: 102/85–2)

**Tanggagaji:** D.1-2-3 EB. 4-5 — $530-$1625 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 35 tahun.

b) i) Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya satu mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya dan keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang lulus mata pelajaran Ilmu Hisab.
ATAU
ii) Pemohon-pemohon yang mempunyai kelulusan Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya dan mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman sebagai Jukika (Jurukira Kargo) dalam perkhidmatan Kerajaan atau Swasta juga akan dipertimbangkan.

**Tugas-tugas:**

1. Membuat rekod tally kargo-kargo yang dipunggah dari kapal atau memuat ke dalam kapal.
2. Faham mengenal tanda-tanda kargo yang sama ada boleh disimpan di luar, atau tidak dan boleh disimpan di dalam gudang dan juga tahu mengenal tanda-tanda kargo yang dipunyai oleh pengimpotnya (Cargo Mark).
3. Membuat laporan Survey (Survey Report) atau Barang-barang rosak (Damage Goods) mahu pun yang diimpot atau eksport.
4. Membuat laporan kargo-kargo yang ada di dalam gudang berapa lama sudah disimpan dari tarikh dimasukkan.
5. Membuat laporan kargo-kargo yang akan dilelong (auction).

3) PENOLONG PEMERIKSA BURUH

(Di Pejabat Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri) (Bil.: 102/85–3)

**Tanggagaji:** D. 4 EB. 5-6 — $1225-$1785 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

Pemohon-pemohon hendaklah sebaik-baiknya lelaki berumur tidak kurang dari 20 tahun dan tidak lebih 35 tahun dan mestilah:

a) i) Mempunyai kelulusan OND/TEC Diploma dalam bidang yang bersesuaian.
ATAU
ii) Mempunyai 2 mata pelajaran peringkat lanjutan (Advanced Level) dan 2 mata pelajaran peringkat biasa ('O' Level), dalam satu peperiksaan.
ATAU
iii) Mempunyai 4 mata pelajaran peringkat biasa ('O' Level) dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya 4 tahun.

b) Hendaklah boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan fasihnya.

4) PEMERIKSA HARGA

(Di Jabatan Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan) (Bil.: 102/85–4)

**Tanggagaji:** D. 3-4 EB. 5 — $900-$1625 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun.

b) i) Calon-calon mestilah lulus Sijil Am Pelajaran Peringkat Lanjutan dalam mata-mata pelajaran yang bersesuaian ataupun kelulusan-kelulusan yang sebanding diiktiraf oleh Kerajaan;
ATAU
ii) Calon-calon mestilah terdiri dari pegawai/kakitangan Kerajaan yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan dan lulus 3 mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau kelulusan yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan serta mempunyai laporan prestasi kakitangan yang memuaskan;

c) Pemohon-pemohon hendaklah juga fasih bertutur dan boleh menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

d) Keutamaan akan diberikan kepada pemohon-pemohon yang mempunyai kelulusan Ilmu Hisab di dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

Untuk bekerja di bawah Pengawal Harga dalam pemeriksaan, pemungutan, dan penyusunan harga barang-barang dan lain-lain yang berkaitan dengannya.

5) PENTERJEMAH (INGGERIS/MELAYU)

(Di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan) (Bil.: 102/1985–5)

**Tanggagaji:** D. 3 EB. 4-5 — $900-$1625 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

Lulus peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei (Peringkat Biasa) dalam 3 mata pelajaran (termasuk Bahasa Inggeris dan Melayu) atau Sijil Persekolahan dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris dan Melayu. Sebaik-baiknya mempunyai pengetahuan Jawi.

6) KERANI PERANGKAAN

(Di Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan, Kementerian Perhubungan) (Bil.: 102/85–6)

**Tanggagaji:** D.1-2-3 EB. 4-5 — $530-$1625 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun.

b) Calon-calon hendaklah mempunyai kelulusan akademik sekurang-kurangnya satu kredit di peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa dan juga hendaklah mendapat kredit dalam mata pelajaran matematik ataupun mata-mata pelajaran sains sekurang-kurangnya di peringkat Sijil Rendah Pelajaran ataupun kelulusan-kelulusan yang sebanding dan mempunyai kecenderungan di bidang perangkaan;

c) Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang mendapat kepujian sama ada di dalam mata-mata pelajaran Matematik / Commerce / Economics / Sains di peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa;

d) Calon-calon hendaklah boleh membaca dan menulis di dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik

e) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman bekerja di bidang perangkaan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

Membuat dan menyediakan perangkaan bagi:

a) Perkapalan:
i) Iaitu mencatat bilangan kapal-kapal yang datang ke Negara Brunei Darussalam melalui Pelabuhan Muara.
ii) Mencatat dari negeri mana kapal-kapal yang datang itu.

b) Kargo (Barangan);
i) Mencatat jenis-jenis kargo (barangan) yang masuk ke Negara ini melalui Pelabuhan Muara.
ii) Mencatat berapa banyak kargo-kargo (barangan) yang masuk melalui Pelabuhan Muara.

**Am:**

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan:**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan iklan yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 5 September, 1985 (E/954/74)

## SUPPLY TO VEHICLES TO GURKHA RESERVE UNIT TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, Negara Brunei Darussalam for the supply of the following vehicles:—

a) One (1) Unit 38 Seater Bus 4 × 2 6557 cc Diesel Engine.
b) One (1) Unit 25 Seater Bus 4 × 2 2000 cc Petrol Engine.
c) One (1) Unit 15 Seater Bus 4 × 2 2000 cc Petrol Engine.

2. All vehicles to be provided with safety belts for front seats, standard tool kits and Fire Extinguishers.
3. All vehicles are required to be finished with three coats of Gurkha Reserve Unit Green Paint.
4. All vehicles to be quoted with and without 'Tuff Kote'.
5. All vehicles to be quoted on "CIF" Brunei basis.
6. Date of delivery to be stated.
7. Tenders must be contained in a plain sealed envelope with no indication name of the tenderer. The envelope should be marked "SUPPLY OF VEHICLES TO GURKHA RESERVE UNIT" in the top left hand corner.
8. Tenders should be placed in the Tender Box situated on 4th Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan Pearce, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on Monday 19 August, 1985.
9. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Pemberitahuan Tawaran Jabatan Pertanian Kementerian Pembangunan

TAWARAN-Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Kecil dan dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 21 Ogos, 1985 bagi perkara-perkara berikut:—

| | |
|---|---|
| JP BIL. 14/1985: | MEMBEKAL RACUN SERANGGA DIMECRON EC 50% AI |
| JP BIL. 15/1985: | MEMBEKAL RACUN SERANGGA TAMARON EC 50% AI |
| JP BIL. 16/1985: | MEMBEKAL RACUN SERANGGA SEVIN WP 85% AI |
| JP BIL. 17/1985: | MEMBEKAL RACUN SERANGGA LANNATE SP 90% AI |
| JP BIL. 18/1985: | MEMBEKAL RACUN SERANGGA DIPTEREK SP 95% AI |
| JP BIL. 19/1985: | MEMBEKAL RACUN SERANGGA DILDREX EC 15% AI |
| JP BIL. 20/1985: | MEMBEKAL RACUN SERANGGA GAMMA BHC WP 25% AI |
| JP BIL. 21/1985: | MEMBEKAL RACUN SERANGGA CURRATEUR 3G 3% AI |
| JP BIL. 22/1985: | MEMBEKAL RACUN SERANGGA CHLORDANE EC 30% AI |
| JP BIL. 23/1985: | MEMBEKAL RACUN CENDAWAN BAVISTIN WP 50% AI |
| JP BIL. 24/1985: | MEMBEKAL RACUN CENDAWAN DITHANE M45 WP 80% |
| JP BIL. 25/1985: | MEMBEKAL RACUN CENDAWAN BENLATE WP 50% AI |
| JP BIL. 26/1985: | MEMBEKAL RACUN RUMPUT ROUND UP EC 30.5% AI |
| JP BIL. 27/1985: | MEMBEKAL RACUN RUMPUT PARAQUAT SPECIAL EC 23% AI |
| JP BIL. 28/1985: | MEMBEKAL RACUN 2,4-D AMINE EC 60% AI |
| JP BIL. 29/1985: | MEMBEKAL MESIN POWER-TILLER |
| JP BIL. 30/1985: | MEMBEKAL MESIN SELF-PROPELLED REAPER |
| JP BIL. 31/1985: | MEMBEKAL MESIN CATTLE CRUSH |
| JP BIL. 32/1985: | MEMBEKAL MESIN HYDRAULIC EXCAVATOR 0.4 CU M |
| JP BIL. 33/1985: | MEMBEKAL MESIN DUAL PURPOSE LIVESTOCK TRAILER |
| JP BIL. 34/1985: | MEMBEKAL MESIN SOD HARVESTER |
| JP BIL. 35/1985: | MEMBEKAL MESIN CATTLE SPRAYRACE |
| JP BIL. 36/1985: | MEMBEKAL MESIN DISC MOWER |
| JP BIL. 37/1985: | MEMBEKAL MESIN CONVENTIONAL BALER |
| JP BIL. 38/1985: | MEMBEKAL MESIN HIGH SPEED ROTARY DITCHER |
| JP BIL. 39/1985: | MEMBEKAL MESIN 3.5-TON TIPPING TRAILER |
| JP BIL. 40/1985: | MEMBEKAL MESIN ROTAVATOR |
| JP BIL. 41/1985: | MEMBEKAL MESIN REAR MOUNTED BUCKRAKE |
| JP BIL. 42/1985: | MEMBEKAL MESIN FRONT END MOUNTED DOZER |
| JP BIL. 43/1985: | MEMBEKAL MESIN AUTOMATIC WEIGHERS |
| JP BIL. 44/1985: | MEMBEKAL MESIN TRAKTOR (TRACTOR) |
| JP BIL. 45/1985: | MEMBEKAL MESIN LODO TRACKS FOR MF TRACTOR |
| JP BIL. 46/1985: | MEMBEKAL MESIN ROTARY DITCHER WITH ENGINE |
| JP BIL. 47/1985: | MEMBEKAL ALAT-ALAT GANTI BAGI FORD 4000 |
| JP BIL. 48/1985: | MEMBINA PAGAR KESELAMATAN SEMAIAN RIMBA, GADONG |
| JP BIL. 49/1985: | MEMBEKAL POKOK-POKOK HIASAN |
| JP BIL. 50/1985: | MEMBEKAL MESIN PENGISAR PADI (SMALL RICE MILL) |
| JP BIL. 51/1985: | MEMBEKAL ALAT MENEBAH PADI (PADI THRESHER) |
| JP BIL. 52/1985: | MEMBEKAL POKOK DURIAN LAKOM/SANDING |
| JP BIL. 53/1985: | MEMBEKAL BENIH KELAPA "MAWA" |
| JP BIL. 54/1985: | MEMBEKAL KERATAN LADA SULAH |
| JP BIL. 55/1985: | MEMBEKAL RACUN TIKUS |

Cagaran untuk tawaran-tawaran di atas ialah $100.00.

2. Lembaga Tawaran Kecil hanya akan menerima tawaran-tawaran yang datangnya dari Peti Tawaran Kecil sahaja dan tawaran-tawaran yang diteriwa lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan tajuk tawaran yang berkenaan dan tarikh tutup tawaran tersebut.

4. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Jabatan Pertanian (Bahagian Kewangan), Jalan Kumbang Pasang, Bandar Seri Begawan.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap tawaran (bona-fide tender) yang tidak berjaya.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### BIL: JKR 274 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No. AD430/0101
PEMBINAAN DAN PENYEMPURNAAN CADANGAN BAGI MATARAH PENANDA LAUT BANJARAN DI BINTURAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 15 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 19 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 275 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No. 85AB/12100
CADANGAN SADAIAN PERAHU PASUKAN BOMBA DI BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 8 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 12 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 276 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/07500
MEMASANG PAGAR KESELAMATAN BAGI PERUMAHAN-PERUMAHAN / RUMAH-RUMAH PANGSA KERAJAAN DI KAWASAN BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DALAM MASA TEMPOH SATU TAHUN.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 8 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 12 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 277 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/14107
MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA BAGI SEKOLAH RENDAH KERAJAAN LELA MENCANAI, KAMPONG AYER, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 10 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 14 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 278 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/00900
KERJA-KERJA MEMBAIKI SEPENUHNYA, MENCAT DAN MENGATAP SEMULA SATU BLOK RUMAH PANGSA KELAS 'G' DI SEKOLAH MENENGAH ARAB LELAKI HASSANAL BOLKIAH BATU 1½, JALAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 10 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 14 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 279 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AR/PEL038
PEMBINAAN BLOK TANDAS BAGI SEKOLAH RENDAH KERAJAAN ORANG KAYA ALI WANIKA SETIA DIRAJA KUPANG, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 10 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 14 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 280 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/00900
MEMBAIKI SEPENUHNYA DAN MENCAT SEMULA SEMUA PEMBINAAN-PEMBINAAN YANG SEDIA ADA DI SEKOLAH RENDAH KERAJAAN PULAU BARU-BARU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 10 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 14 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan
   Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan,
   Negara Brunei Darussalam

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: JKR 281 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal untuk:

PROJEK No.: 84AR/016
MEMBEKAL SATU (1) UNIT MOTOR GRADER.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 10 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 14 Ogos, 1985.

### BIL: JKR 282 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AD419/3501
CADANGAN PUSAT DAKWAH ISLAMIAH BAGI JABATAN HAL EHWAL UGAMA DI JALAN ANGGEREK DESA, PERINGKAT III, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 29 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 2 September, 1985.
Cagaran tawaran: $5,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 283 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A & B" untuk:

PROJEK No. AD411/0701
CADANGAN IBU PEJABAT DAERAH TELEKOM, LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 22 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 26 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 284 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No: 85AB/PEL007
MEMBINA DEWAN SERBAGUNA, BLOK DAPUR DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA DI SEKOLAH RENDAH KERAJAAN PANGLIMA BADARUDDIN LIMAU MANIS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 15 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 19 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 285 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PDB003
MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA 5 BLOK 5 TINGKAT RUMAH PANGSA KELAS 'G' 2 UNIT PERUMAHAN KELAS 'C', 2 UNIT PERUMAHAN KELAS 'E', 3 UNIT PERUMAHAN KELAS 'A', 3 UNIT PERUMAHAN KELAS 'B', 1 BLOK STADIUM DAN 1 BLOK KANTIN BERTEMPAT DI KAWASAN IBU PEJABAT POLIS GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 15 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 19 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL: JKR 286 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.. 85AB/PEL071
PEMBINAAN 2 UNIT/SATU BLOK PERUMAHAN KELAS 'F' UNTUK GURU KEKAL DI SEKOLAH RENDAH KERAJAAN AMO, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 15 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 19 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 287 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No. 85AR/LBB004
CADANGAN RUMAH PANJANG STANDARD UNTUK PEJABAT BANDARAN DI SUNGAI KEDAYAN BATU 2, JALAN BERAKAS, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 15 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 19 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 288 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong yang mahir untuk.

PROJEK No.: AD421/0607
SUB-KONTRAK BAGI MEMBEKAL DAN MEMASANG PANEL TULISAN ARAB UNTUK MASJID DI KAMPONG SUNGAI KEBUN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 17 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 21 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 289 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PEL040
PEMBINAAN BLOK TANDAS BAGI SEKOLAH RENDAH KERAJAAN BAKIAU, KAMPONG LAMUNIN, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 17 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 21 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 290 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/00900
CADANGAN UNTUK MEMASANG PENAHAN AIR BAGI PERMUKAAN ATAP KONKRIT DI BANGUNAN JABATAN BANDARAN, JALAN SULTAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 17 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 21 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 291 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PDB003
MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA POS POLIS DI PUTAT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 17 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 21 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 292 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PDB003
KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA PWD No. 380, 381, G1 DAN G2, BARIK POLIS SENGKURONG, JALAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 17 Ogos, 1985.
Tarikh tutup: 21 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PELAJARAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PEMBERITAHUAN TAWARAN KANTIN UNIVERSITI BRUNEI BAGI OKTOBER 1985 – SEPTEMBER 1986

1. TAWARAN-tawaran untuk membekalkan bahan-bahan di Kantin Universiti Brunei Darussalam akan diterima daripada Syarikat-syarikat/Pemborong-pemborong oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari hari Rabu 19 Ogos, 1985.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Pemohon-pemohon mestilah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan mestilah bukan terdiri dari pegawai-pegawai atau kakitangan Kerajaan dan tidak bekerja di mana-mana syarikat seperti BSP, Cold Gas (LNG), RBA dan di firma yang lain.

4. Keterangan-keterangan lanjut serta borang-borang tawaran boleh diperolehi dari Unit Asrama dan Rancangan Permakanan Sekolah-sekolah, Ibu Pejabat Pelajaran, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan Negara Brunei Darussalam.

5. Tawaran-tawaran mestilah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dan dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Pejabat Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan serta ditulis tanda dengan terang seperti di bawah ini :—

"TAWARAN KANTIN UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM BAGI OKTOBER 1985 - SEPTEMBER 1986"

Di luar sampul surat itu mestilah tidak ada sebarang tanda yang boleh mengenalkan nama pemohon dan setiap tawaran yang dituli, dengan tidak betul dan tidak lengkap akan dikira rosak dan ditolak.

6. Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $300.00 hendaklah dibayar pada masa mendaftar dan wang itu akan dikembalikan kepada pemohon yang tidak berjaya. Jika pemohon-pemohon yang berjaya menolak tawaran, wang cagarannya tidak akan dikembalikan.

7. Pemohon-pemohon mestilah mempunyai syarikat perniagaan yang berdaftar. Sijil pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama-sama dengan borang tawaran yang telah diisikan.

8. Berikut adalah masa-masa bagi mengambil borang-borang tawaran:—

| | | |
|---|---|---|
| Hari Isnin hingga Hari Khamis | — 8.30 pagi | – 11.30 pagi |
| | — 2.00 petang | – 3.00 petang |
| Hari Sabtu | — 8.30 pagi | – 10.00 pagi |

## PEMBERITAHUAN TAWARAN, JABATAN KERJA RAYA, KUALA BELAIT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan
   Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan,
   Negara Brunei Darussalam

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   ATAU

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama pemborong dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: KB 79 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" untuk:

PROJEK No.: 85AB/PEL123
CADANGAN SURAU UNTUK SEKOLAH KEJURUTERAAN JEFRI BOLKIAH, KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 8 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 12 Ogos, 1985.

Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

## TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

Syarat-syarat Tawaran

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, di Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 23 September, 1985.

2. Penawar-penawar hendaklah menghadapkan tawaran-tawaran mereka dalam sampul surat biasa atau yang dikhaskan dan hendaklah ditutup. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu.

3. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1230 dan 1400 — 1630 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat).

4. Contoh-contoh katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah dihantar ke Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, ABDB tidak lewat 3 hari selepas tarikh tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran.

BIL.: PROC/T/184/1985
MEMBEKAL: TRUCK ROADSWEEPER 4 x 2 LHD
Cagaran: $300.00.

BIL.: PROC/T/185/1985
MEMBEKAL: TRUCK 4 TON 4 x 4 RHD CARGO GS/HAIB
Cagaran: $300.00.

BIL.: PROC/T/186/1985
MEMBEKAL: TRUCK 4 TON 4 x 4 RHD CARGO GS
Cagaran: $1,000.00.

BIL.: PROC/T/187/1985
MEMBEKAL: TRACTOR INDUSTRIAL
Cagaran: $300 00.

BIL.: PROC/T/188/1985
MEMBEKAL: TRAILER 3/4 TON GS
Cagaran: $200.00.

BIL.: PROC/T/189/1985
MEMBEKAL: TRACTOR UNIT (ARTICULATED) 38 TONNE
Cagaran: $300.00.

BIL.: PROC/T/190/1985
MEMBEKAL: TRAILER LOW LOADER 30 TONNE
Cagaran: $350.00.

BIL.: PROC/T/191/1985
MEMBEKAL: STAFF CAR MERCEDES 200
Cagaran: $400.00.

BIL.: PROC/T/192/1985
MEMBEKAL: CAR UTILITY ASTRA 1300s
Cagaran: $300.00.

BIL.: PROC/T/193/1985
MEMBEKAL: VAN PANEL UTILITY.
Cagaran: $200.00

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PELAJARAN KEMENTERIAN PELAJARAN DAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 19 Ogos, 1985 bagi tawaran:—

   i) MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KAWASAN SEKOLAH RENDAH KERAJAAN SERASA, MUARA BRUNEI.
   BIL.: JP/39/1985.

   ii) MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KAWASAN SEKOLAH RENDAH KERAJAAN DELIMA SATU, BRUNEI DARUSSALAM.
   BIL.: JP/40/1985.

   iii) MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KAWASAN MAKTAB SAINS PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN, JALAN MUARA BRUNEI.
   BIL.: JP/41/1985

   iv) MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KAWASAN DI KAWASAN PERUMAHAN JABATAN PELAJARAN DEKAT MAKTAB SAINS, JALAN MUARA, BRUNEI DARUSSALAM.
   BIL.: JP/42/1985.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama perkara yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Pelajaran di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki sebanyak $200.00 dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender). Bayaran balik cagaran tawaran bolehlah dituntut setelah keputusan tawaran berkenaan disiarkan. Resit salinan asal hendaklah disertakan.

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

Syarat-syarat Tawaran

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, di Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 2 September, 1985.

2. Penawar-penawar hendaklah menghadapkan tawaran-tawaran mereka dalam sampul surat biasa atau yang dikhaskan dan hendaklah ditutup. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu.

3. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1230 dan 1400 — 1630 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat).

4. Contoh-contoh katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah dihantar ke Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, ABDB tidak lewat 3 hari selepas tarikh tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran.

BIL.: PROC/T/171/1985
MEMBEKAL: CHEMICAL CLEANING FACILITY
Cagaran: $300.00.

BIL.: PROC/T/172/1985
MEMBEKAL: CAMOUFLAGE NET
Cagaran: $200.00.

BIL.: PROC/T/173/1985
MEMBEKAL: DUMPER TRUCK BENFORD 3000
Cagaran: $200.00.

BIL.: PROC/T/174/1985
MEMBEKAL: VEHICLE MECHANIC TOOL KIT
Cagaran: $100.00.

BIL.: PROC/T/175/1985
MEMBEKAL: BEDFORD TOOLS
Cagaran: $100.00.

BIL.: PROC/T/176/1985
MEMBEKAL: ZINC ANODES
Cagaran: $100.00.

BIL.: PROC/T/177/1985
MEMBEKAL: TARGET 25 METRE
Cagaran: $100.00.

BIL.: PROC/T/178/1985
MEMBEKAL: SUN BLIND
Cagaran: $200.00.

BIL.: PROC/T/179/1985
MEMBEKAL: CANE FURNITURE
Cagaran: $200.00.

BIL.: PROC/T/180/1985
MEMBEKAL: STRAP WRIST WO
Cagaran: $200.00

BIL.: PROC/T/181/1985
MEMBEKAL: GAS LANTERN
Cagaran: $100.00.

BIL.: PROC/T/182/1985
MEMBEKAL: MOTHER BOARD
Cagaran: $100.00.

BIL.: PROC/T/183/1985
MEMBEKAL: CUTLERY AND CROCKERY REGIMENTAL CRESTED
Cagaran: $300.00.

BIL. P/RC/66
MEMBEKAL: LAUNDRY TUTONG (Running Contract)
Cagaran: $300.00,

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BIL.: 12/1985

PEMBORONG-pemborong adalah dipelawa untuk menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Pejabat Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 19 Ogos, 1985 bagi menjalankan perkhidmatan Kantin Sekolah Ugama Serasa, Muara.

2. Pemborong-pemborong yang berhajat pada mendapatkan penerangan-penerangan yang lebih lanjut mengenai perkara ini, maka Guru Besar Sekolah Ugama yang berkenaan bolehlah dihubungi di sekolah tersebut semasa waktu sekolah sahaja.

4. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima sebarang tawaran-tawaran yang mahal atau seumpamanya.

# KEBAWAH DYMM LETAK BATU ASAS BANGUNAN JABATAN KERAJAAN DAERAH TEMBURONG



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam menyempurnakan perletakan batu asas Kompleks Bangunan Pejabat-Pejabat Kerajaan Daerah Temburong. Gambar oleh Ak. Abu Bakar PHO/Ak Bahar PHO.

PEKAN BANGAR. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzadien Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan meletakkan batu asas bagi Kompleks Bangunan Jabatan-jabatan Kerajaan Daerah Temburong, di sini pada hari Isnin lalu.

Ketibaan Baginda di tapak bangunan baru itu telah dialu-alukan dengan pukulan hadrah. Baginda seterusnya dijunjung oleh Penolong Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Md. Salleh bin Pengiran Kamaluddin yang kemudiannya memperkenalkan kepada pegawai-pegawai Kerajaan Daerah Temburong.

Kemudian selepas itu Baginda Yang Dipertuan telah diberikan taklimat mengenai perkembangan projek bangunan tersebut yang telah disembahkan oleh salah seorang wakil pihak pemborong. Bacaan doa selamat telah dibacakan oleh Awang Haji Lamit bin Haji Ibrahim, Kadi Daerah Temburong.

Bangunan baru yang berharga $8.2 juta itu dibina di atas kawasan seluas tujuh ekar dan ianya dijangka akan menempatkan kira-kira 25 buah Jabatan-jabatan Kerajaan yang ada di Daerah Temburong.

PELITA BRUNEI difahamkan bahawa pembinaan bangunan tersebut telah dimulakan pada bulan Jun tahun ini dan ianya dijangka siap pada bulan September tahun depan.

## Laporan akhbar dinafi

PENGARAH Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan menarik perhatian orang ramai mengenai dengan laporan yang dimuatkan dalam surat khabar tempatan baru-baru ini mengenai penyakit "Ensefalitis Jepun 'B' " adalah bertentangan dengan perkara yang sebenar dan mengelirukan orang ramai.

Laporan tersebut telah menyatakan bahawa kematian dua orang kanak-kanak damit adalah disebabkan oleh penyakit tersebut. Menurut Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan laporan tersebut adalah tidak benar dan tidak berasas sama sekali.

Ini adalah hasil dari pengesahan dan ujian-ujian contoh darah yang dibuat dengan kerjasama Kerajaan Singapura membuktikan bahawa tidak terdapat Ensefalitis Jepun "B" kepada kedua-dua mangsa berkenaan.

Menurut Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, nyamuk yang membawa penyakit ini adalah terkawal dan tidak ada sebab ianya dibimbangkan kerana tidak ada kejadian berhubung dengan penyakit tersebut dilaporkan di negara ini sejak beberapa tahun lalu.

Dari itu, Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan mengingatkan supaya di masa-masa akan datang setiap laporan yang sedemikian hendaklah disahkan terlebih dahulu oleh jabatan tersebut supaya tidak mencemaskan dan mengelirukan orang ramai.

## Keberangkatan ke Daerah Temburong

Dari muka 1

di daerah itu. Baginda juga mengambil peluang beramah mesra dengan kakitangan di jabatan itu berkenaan tugas masing-masing.

Sebelum berangkat ke Sekolah Menengah Kerajaan Sultan Hassan, Baginda berkenan menerima junjung ziarah dari kakitangan pejabat berkenaan.

Di Sekolah Menengah Kerajaan Sultan Hassan, Baginda disambut dengan pukulan hadrah oleh penuntut-penuntut sekolah dan dialu-alukan oleh Pengarah Pelajaran Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong dan Pengetua sekolah itu, Awang Othman bin Haji Simbran dan seterusnya diperkenalkan kepada tenaga-tenaga pengajar di sekolah itu.

Di sini Baginda dan rombongan telah melawat beberapa buah bilik darjah dan makmal sains. Di setiap bilik yang Baginda kunjungi Baginda telah diberi penerangan ringkas oleh guru-guru yang berkenaan.

Sebelum mengakhiri lawatan Baginda ke sekolah tersebut, Baginda telah disembahkan satu taklimat ringkas mengenai sejarah penubuhan sekolah itu, susunan pentadbiran dan pelbagai kemajuan yang telah dicapai dan menandatangani buku lawatan.

Dari sekolah itu, Baginda dan rombongan berangkat ke bangunan sekolah menengah kerajaan yang baru diganggarkan menelan belanja $11 juta. Di sini Baginda dan rombongan meninjau pelbagai kemudahan yang terdapat di sekolah itu dan menerima penerangan dari salah seorang pihak pemborong.

Baginda dan rombongan kemudiannya berangkat ke bangunan rumah sakit yang baru dianggarkan menelan belanja $9 juta. Di sini Baginda menerima penjelasan mengenai pelbagai kemudahan yang terdapat di bangunan itu dari salah seorang pemborong selain dari menerima penerangan dari pegawai-pegawai berkenaan dari Kementerian Pembangunan dan seterusnya melawat ke pelbagai bahagian.

Baginda juga berkenan melawat Perkhemahan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di sini. Keberangkatan tiba Baginda dialu-alukan oleh Leftenan Basri Haji Muhammad, Ketua Troop 'A', Bateri Pertahanan Udara, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Di Perkhemahan ini, Baginda berkesempatan meninjau ke bilik semboyan, bilik pengawal dan Pejabat Quatermaster RHO Kompeni dan bilik-bilik para anggota yang ditempatkan di sana.

Sebaik-baik sempurna lawatan itu, Baginda dan rombongan berangkat ke rumah kediaman Pemangku Pegawai Daerah untuk majlis santap tengah hari.

Di sebelah petang Baginda telah berkenan mengurniakan jamuan kepada kira-kira 3,000 orang rakyat dan penduduk di daerah ini yang terdiri dari ahli-ahli jawatankuasa tertinggi perayaan dan para peserta yang sama-sama meraikan sambutan perayaan puja usia Baginda ke-39 tahun.

Di majlis ini Baginda juga telah berkenan menerima junjung ziarah dari rakyat dan penduduk yang hadir di jamuan itu.

Baginda juga berkenan menyaksikan pesta membuat amping yang dipertunjukkan oleh kaum wanita di daerah itu dan persembahan bunyi-bunyian tradisi dari kaum Murut. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam berangkat pulang kira-kira jam 2.00 petang.

Mengiringi Baginda di sepanjang lawatan ke daerah tersebut ialah Menteri Pembangunan, Yang dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Mohd Daud, Setiausaha Tetap (Teknikal) Kementerian Pembangunan, Pengiran Dr Ismail bin Pengiran Haji Damit, Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Awang Abd Razak bin Haji Muhammad, pegawai-pegawai kanan Kementerian Pembangunan dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pelajaran dan Kesihatan.

## Beg dijumpai

MAJLIS Ugama Islam Negara Brunei Darussalam mengumumkan kepada sesiapa yang kehilangan sebuah beg tangan yang berisi wang bolehlah berhubung dengan Pengelola Baitul Mal Zakat dan Fitrah di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam bila-bila masa pejabat dibuka. Beg tersebut dijumpai tercicir berdekatan dengan Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien di ibu negara.

## Majlis puja usia

Dari muka 1

Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan lain-lain kerabat Diraja.

Majlis meraikan hari puja usia tersebut diserikan dengan persembahan-persembahan tarian dan nyanyian daripada penyanyi undangan dari Malaysia Noreen Noor.

Antara pembesar-pembesar negara yang hadir termasuklah Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, Menteri Undang-undang merangkap Menteri Perhubungan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan, serta Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman, Menteri Pembangunan.

## Angka tunjuk

ANGKA Tunjuk Harga Barang-Barang Pengguna bagi bulan Jun 1985 lepas ialah 146.6 mata dan ini adalah 0.1% lebih tinggi dari angka tunjuk bagi bulan Mei, 1985, dan jika dibandingkan dengan angka tunjuk bagi bulan Jun, 1984, angka tunjuk bulan ini adalah 2.7% lebih tinggi.

Kenaikan angka tunjuk bulan tersebut adalah disebabkan oleh kenaikan angka-angka tunjuk kumpulan-kumpulan makanan, pakaian, kasut dan lain-lain.

Sewa kasar, bahan api dan tenaga serta alat-alat perabot, perhiasan-perhiasan dan alat-alat kelengkapan rumahtangga serta pemasangannya juga menyebabkan kenaikan angka tunjuk bulan Jun 1985. Sementara angka-angka tunjuk kumpulan-kumpulan lain adalah masih tetap tidak berubah.

Perkara-perkara yang menyebabkan kenaikan angka tunjuk kumpulan "makanan" ialah seperti roti dan bijibijian (Spaghetti dan cornflakes), daging (kaki kambing beku), ikan hidup (barah-barahan, bilis, tamban, udang besar dan udang kecil), sayur-sayuran (sawi putih dan timun) dan lain-lain makanan termasuk barang-barang awitan (serbuk kari).

## Naik pangkat

BERAKAS. — Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam memaklumkan Kenaikan Pangkat Tauliah Khas kepada 4668 Pemangku Waren 2, Matlamin bin Mumin dari Unit Tentera Udara (Pegawai Memerintah Terjun Payung Angkatan Bersenjata Diraja Brunei) ke pangkat Leftenan mulai 17 April 1985.

Leftenan Matlamin mula berkhidmat dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada 29 November 1971.

## Bengkel Gulingtangan dan Gamelan Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Rumpun Seni Lakon Negara (RUSILA) akan mengadakan Bengkel Gulingtangan dan Gamelan Melayu sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam kali ke-39 tahun.

Bengkel tersebut akan diadakan pada 14 September 1985 hingga 21 September 1985 bertempat di Pusat Belia di sini. Kursus intensif/bengkel akan diadakan mulai jam 8.00 pagi hingga 10.00 malam.

Penyertaan untuk memasuki bengkel tersebut adalah terbuka kepada belia-belia, guru-guru pegawai dan kakitangan kerajaan dan orang perseorangan dengan mengisikan borang yang disediakan oleh pihak penganjur. Wang pendaftaran masuk ialah $10.00.

Adalah difahamkan bahawa bengkel tersebut yang diadakan selama seminggu itu bukan sahaja dihadiri oleh belia dan beliawanis, pencipta-pencipta seni dari Brunei Darussalam malah dari Sarawak dan Sabah. Manakala tenaga pengajar didatangkan dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Borang-borang penyertaan boleh didapati dari Awang Haji Johari bin Pehin Penyurat Haji Omar, di Jabatan Radio dan Televisyen; Dayang Rosni binti Haji Samli di Sekolah Rendah Kerajaan Raja Isteri Fatimah; Pengiran Omar bin Pengiran Haji Damit di Pejabat Pertanian Kuala Belait; Awang Osman bin Durani di Pejabat Pelajaran, Tutong dan Md. Yusof bin Haji Mesir di Pejabat Letrik, Temburong. Dan borang tersebut hendaklah dihantar tidak lewat dari 15 Ogos 1985.

## Rombongan Dakwah dan Tabligh

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Dakwah dan Tabligh Jabatan Hal Ehwal Ugama akan mengadakan siri lawatan ke kampung-kampung di keempat-empat daerah dalam bulan ini.

Di Daerah Temburong rombongan dakwah itu akan mengadakan lawatan ke Kampong Belingos pada hari ini, 7 Ogos.

Sementara lawatan ke Daerah Tutong pada 7 Ogos ke Kampong Rambai dan pada 12 Ogos ke Kampong Bekiau.

Bagi Daerah Belait rombongan dakwah itu akan membuat lawatan ke Kampong Melilas pada 7 Ogos serta Kampong Rampayoh (Rumah Ketua Kampong) pada 13 Ogos.

Manakala bagi Daerah Brunei dan Muara pula Bahagian Dakwah dan Tabligh itu akan mengadakan lawatan ke Masjid Kampong Tanah Jambu pada 7 Ogos.

Diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.